


الخطوط العريضة

للأسس التي قام عليها دين الشيعة الإمامية الإثني عشرية

Hakikat Agama Syiah Imam Dua Belas (Imamiyah)



Penipuan Teragung Masih ad-Dajjal
akhir zaman

Hakikat Agama Syiah

Imam Dua Belas

(IMAMIYAH)

JUDUL ASAL

الخطوط العريضة

للأسس التي قام عليها دين الشيعة الإمامية الاثني عشرية

**Hakikat Agama Syiah
Imam Dua Belas
(IMAMIYAH)**

Oleh Muhibbuddin al-Khatib

Alih bahasa

Haji Salahuddin Abdullah

Kitab ini *Hakikat Agama Syiah Imam Dua Belas (Imamiyah)* adalah terjemahan daripada edisi bahasa Arab *Al-Khutoot al-Areedhah* karangan Muhibbudeen Al-Khateeb pada tahun 50an di Mesir sebelum Revolusi Iran, .

Edisi Bahasa Melayu

Terjemahan **Hj. Salauddin Abdullah 1994**

Cetakan Pertama 1994

Cetakan Kedua Mei 2011

Kitab ini disediakan untuk Seminar yang diadakan di Madinah International Universiti, Shah Alam Selangor pada 15 Mei 2011.

ISBN 978-983-9147-07-0

Perpustakaan Negara Malaysia

Data pengkatalogan-dalam-
Penerbitan

Al-Khateeb, Muhibbudeen,

[Hakikat Agama Syiah.Malay] 2. Shi'ah -Doctrines. Syiites. 1.

Salahhuddin Abdullah. 11. Judul 297.82

Dicetak: oleh Added Enterprise Sdn Bhd.No2102A, Jalan BS 7/5,
Kawasan Perindustrian Bukit Serdang, Selangor D.E,

Penerbit:

**Badan Perkhidmatan Penerangan Islam Selangor Dan Wilayah
Persekutuan**

Buku ini diterjemahkan dengan bantuan dana yang diwakafkan oleh
arwah Hj. Mohamed Sanusi bin Baki dan arwah Hj. Asiah bte Ahmad.

Kandungan

Muqaddimah	vii
Sepatah Kata	ix
Sedikit Catatan Mengenai Pengarang Buku Ini	xi
Masalah Mencari Pendekatan Di Antara Mazhab-Mazhab dan Golongan-Golongan Umat Islam	1
Fikah Islam	5
Masalah Tipu Muslihat (At-Taqiyyah)	6
Mempertikaikan Kesempurnaan Al-Quran	8
Berdusta Dan Membuat Fitnah, Sampai Kepada Peribadi Sayyidina Ali Sendiri	14
Kegembiraan Penyeru Agama Kristian	15
Pandangan Orang-Orang Syiah Mengenai Masalah Pemerintah Dan Pemerintahan	19
Perasaan Benci Dan Dendam Yang Tidak Berhabisan Terhadap Sayyidina Abu Bakar Dan Sayyidina Umar	19
Memuja Pembunuh Sayyidina Umar	21
Komplik Pemerintahan	22
Mula-mula Syiah Sesudah Itu Komunis	24
Kebangkitan Semula Ataupun Ar-Raj'ah	25
Keinginan Untuk Menghancurkan Dan Membalas Dendam	25
Kepercayaan Tentang Masalah 'Ar-Raj'ah'	29
Cara Berfikir Mereka Tidak Berubah'	29
Menyelewengkan Sejarah	32
Perkara-Perkara Ghaib Adalah Kepunyaan Imam-Imam	35
Taraf Imam-Imam Yang Dua Belas Mengatasi Taraf Nabi Muhammad S.A.W.	38
Pengkhianatan Al'Alqami Dan Ibnu Abil Hadiil	40
Keselamatan Hanya Boleh Dicapai Dengan Cara Menumpukan Taat Setia Kepada Aalil-Bait Sahaja	42
Perbezaan Syiah Dengan Ahli-Sunnah Bukan Hanya Di Dalam Masalah Furu' Sahaja Tetapi Juga Di Dalam Masalah Asas-Asas Akidah Dan Kepercayaan	43
Lahirnya Faham Nusairiah	46
Cerita Pintu Dan Bilik Rahsia	47
Masalah Taat Setia Kaum Muslimin	48
Khulafa-Ur-Raasyidiin Saling Hormat Menghormati	51

Mengapakah Kita Berputus Arang Berkerat Rotan Dengan Mereka?	51
Pemisahan Diri Golongan Ismailiah	54
Pendeketan: Orang-Orang Syiahlah Yang Tidak Menghendaknya! Kegiatan Menyebarkan Mazhab Syiah Terus Dijalankan	55
Bencana Aliran Al-Baa-Biyah Pula	57

***Senarai Ringkas Mengenai Titi-Titik Perbezaan Dan Pertentangan
Di Antara Ahli-Sunnah Wal Jamaah Dengan Syiah Imamiah
Dalam Masalah Iktikad Dan Kepercayaan***

DI SISI AHLI SUNNAH

Al-Quranul Karim	61
Hadis/Sunnah Rasulullah S.A.W.	61
Para Sahabat Rasulullah S.A.W.	63
Akidah Tauhid	64
Melihat Allah S.W.T.	66
Masalah Ghaib	66
Keluarga Rasulullah S.A.W.	67
Syariat Dan Hakikat	67
Fikah	68
Tumpuan Taat Setia	69
Tipu/Muslihat (At-Taqiyyah)	70
Imamah Atau Pemerintahan Negara	72

DI SISI SYIAH

Al-Quranul Karim	61
Hadis/Sunnah Rasulullah S.A.W.	61
Para Sahabat Rasulullah S.A.W.	63
Akidah Tauhid	64
Melihat Allah S.W.T.	66
Masalah Ghaib	66
Keluarga Rasulullah S.A.W.	67
Syariat Dan Hakikat	67
Fikah	68
Tumpuan Taat Setia	69
Tipu/Muslihat (Al-Taqiyyah)	70
Imamah Atau Pemerintah Negara	72

MUQADDIMAH

﴿بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ﴾
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Waba'du.,

Sesungguhnya kempen ke arah usaha memperdekatkan jurang perbezaan kepercayaan dan pegangan hidup di antara golongan SYIAH IMAM DUA BELAS dengan golongan Ahli-Sunnah dan Al-Abadhiah di masa-masa yang akhir ini telah menarik perhatian untuk mengkaji selidik masalah yang berkenaan secara ilmiah.

Sahibul-Fadhilah Tuan Muhibuddin Al-Khatib, seorang tokoh penulis dan pujangga Islam yang terkemuka dan dihormati di seluruh dunia Islam telah pun melakukan kaji selidik yang berkemaaan dengan berpandukan kitab-kitab yang menjadi pegangan dan panduan golongan Syiah yang terkenal dengan tujuan mencari jalan bagaimanakah usaha ke arah pendekatan itu sepatutnya dilakukan.

Dari hasil kajiselidik itu beliau telah beroleh kesimpulan bahawa usaha ke arah pendekatan itu mustahi! dapat dilakukan dengan berkesan dan berhasil kerana para pengasas kepercayaan agama Syiah itu sendiri telah pun tidak meletakkan di dalam asas-asas kepercayaan agama mereka sebarang jalan dan ruang ke arah usaha mencari pendekatan itu; iaitu sesudah mereka tegakkan kepercayaan agama mereka di atas asas-asas yang bertentangan dengan ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. dan didakwahnya

serta ikut didakwah dan diperjuangkan oleh para sahabatnya; dan beliau tinggalkan para sahabatnya di dalam keadaan mempunyai panduan yang jelas nyata dan tidak boleh dipesong serta diselewengkan. Dengan demikian sesiapa sahaja yang memesong dan menyelewengkan ajaran-ajaran Rasulullah s.a.w. maka rosak dan binasalah dia.

Oleh kerana bahan-bahan yang dikemukakan di dalam kajiselidik ini adalah bersumber daripada kitab-kitab penting yang menjadi pegangan golongan SYIAH DUA BELAS IMAM yang dijelaskan bersekali dengan bilangan halaman dan muka suratnya berserta dengan di mana kitab-kitab yang berkenaan dicetak dan diterbitkan, yang dengan sendiri menjadi bukti yang tidak boleh ditolak dan dinafikan oleh sesiapa jua pun, maka kami fikir elok benarlah bahan-bahan berkenaan itu didedah dan dipersembahkan ke tengah masyarakat kita kaum Muslimin, supaya dengan itu setiap orang hidup dan bahagia itu akan hidup di dalam keadaan mempunyai keterangan dan bukti, tidak merabab; demikian jugalah orang yang binasa itu binasa di dalam keadaan beroleh keterangan. Allah SWT jualah yang memimpin seluruh orang yang beroleh hidayah.

MOHAMMAD NASIEF

SEPATAH KATA

Buku kecil karangan-karangan Sayyid Muhibuddin Al-Khatib ini sebenarnya telah diterbitkan sejak lebih daripada 30 tahun yang lalu, dan telah berhasil memberikan pengenalan pada masyarakat Islam mengenai asas-asas pegangan golongan Syiah Imam Dua Belas (Imamiah). Melihat kepada betapa pentingnya masalah ini diketahui oleh masyarakat Islam di zaman mutakhir ini maka pihak Jabatan Penyiaran Universiti Islam Madinah telah mencetak dan menerbitkan semula buku kecil ini.

Dan oleh kerana didapati bahawa isi kandungan buku kecil ini sangat berfaedah untuk masyarakat Islam di sebelah sini, maka kami telah menterjemahkannya ke dalam bahasa ibunda; dengan harapan ia akan memberi manfaat kepada masyarakat kita. Adalah juga diharapkan dengan membaca buku kecil ini anggota masyarakat kita dapat membuat perbandingan-perbandingan sendiri mengenai perbezaan-perbezaan pokok di antara sikap golongan Ahli-Sunnah dengan sikap Syiah. Walaupun di dalam beberapa majlis perjumpaan dan usrah, kami sendiri pernah diberitahu bahawa hampir tidak ada perbezaan di antara mazhab Syafi'i dengan mazhab Syiah Imam dua belas (Imamiah) ini tetapi pemberitahuan itu tidak disertakan dengan bukti dan penjelasan yang nyata.

Semoga buku kecil ini dapat ikut memberikan sumbangan ke arah kesedaran di dalam segenap bidang, bagi anggota-anggota masyarakat Islam di sebelah sini. Dan jika sekiranya ada bukti-bukti ilmiah yang menentang fakta-fakta yang didedahkan oleh pengarang buku ini, maka kami harapkan ada pihak yang sudi mengetengahkannya kepada masyarakat, supaya dapat sama-sama dikaji dan dibuat perbandingan.

Kepada pihak penerbit dan semua pihak yang memberikan kerjasama bagi menjayakan penterjemahan dan penerbitan buku kecil ini, kami ucapkan banyak terima kasih dengan harapan beroleh ganjaran sewajarnya daripada Allah.

Wallaahu Waliyyut Taufieq.

Wassalam.

H. Salahuddin Abdullah

SEDIKIT CATATAN MENGENAI PENGARANG BUKU INI

Buah pena Almarhum Sayyid (tuan) Muhibbuddin Al-Khatib, telah lama menjadi bahan bacaan yang menarik minat golongan terpelajar dari kalangan umat Islam yang membaca bahasa Arab di seluruh dunia Islam. Boleh dikatakan hampir seluruh hayatnya telah dipersembahkan kepada khidmat membela dan memperkenalkan agama Islam sebagai suatu sistem kepercayaan hidup yang menjamin kebahagiaan umat manusia di dunia dan akhirat. Islam sebagai Ad-din telah dikemuka dan didakwahkan oleh beliau sejak dari mula meneruskan karyanya di bidang penulisan, sehinggalah beliau menutup mata menyahut panggilan Tuhannya ke alam Baqa.

Namanya mula terkenal sebagai seorang anggota sidang pengarang Majalah Al-Muaiyyid, dalam mana di samping menulis rencana-rencana yang membela dan memperkenalkan agama Islam dan yang berkaitan dengan masalah-masalah semasa, beliau telah membuat ringkasan dan menterjemahkan ke dalam bahasa Arab sebuah rencana yang bertajuk "LA CONQUETE DU MONDE MUSULMAN" yang bererti "Penaklukan Dunia Islam" oleh seorang orientalist bangsa Perancis terkemuka bernama A. Le Chatelier di dalam Majalah "La Revue du Monde Musalman" ataupun "Majalah Alam Islam." Usaha menterjemahkan rencana berkenaan telah dilakukannya bersama seorang rakan karibnya Assyyid Musa'id Āl-Yafi.

Rencana yang mengandungi rancangan pihak Pertubuhan agama Kristian mazhab Protestant itu, setelah disebarkan ke dunia Islam, telah mendapat perhatian yang besar dan memberi kesedaran kepada seluruh umat Islam di dunia tentang ancaman Kristianisasi yang dirancang oleh pihak badan penyiaran agama berkenaan di seluruh dunia

Islam yang pada ketika itu sebahagian besar masih menjadi tanah jajahan negara-negara Eropah yang beragama Kristian.

Tidak lama kemudian beliau telah menerbitkan sendiri sebuah Majalah Islam yang sangat terkenal di zaman sebelum perang, iaitu Majalah AL-FATH الفتح yang mempu-

nyai sebuah percetakan dan perpustakaan sendiri yang diberi nama ALMAKTABAH AS-SALAFIAH di Raudhah, Cairo.

Majalah AL-FATH adalah sebuah Mingguan Islam yang bermotokan "Dunia Islam adalah sebuah Negara" dan "Kaum Muslimin sedang menuju ke arah kejayaan, tetapi yang lemah di peringkat pemahaman akidah." Selain daripada masalah yang berkaitan dengan akidah dan hukum-hukum agama, maka masalah politik dan kebangkitan umat Islam menentang penjajahan dan penaklukan kuasa-kuasa Barat Kristian, di negeri-negeri Islam, khususnya konspirasi Yahudi untuk merebut tanah Palestine. Untuk tujuan membantu perjuangan Palestine, Majalah Al-Fath telah membuka sebuah tabung khusus di mana derma dan sumbangan telah diterima daripada seluruh dunia Islam hingga ke negara kita ini. Di antara pelanggan tetap Majalah Mingguan Al-Fath pada zaman itu termasuklah Allahyarham Ayahanda Syeikh Junid Tala, di Padang Rengas Perak, yang telah ikut juga mengutip derma untuk perjuangan Palestine di samping usahanya menggalakkan amal wakaf untuk memajukan sekolah-sekolah agama. Penerimaan derma kiriman Syeikh Junid telah dimuatkan di dalam beberapa bilangan Majalah Al-Fath.

Di samping mengendalikan pimpinan Majalah Islam yang terbesar dan terkemuka, Sayyid (tuan) Muhibbuddin Al-Khatib juga aktif dalam bidang menerbitkan kitab-kitab lama yang terpendam, karangan ulama terkemuka di zaman dahulu. Di antara kitab penting yang sempat diterbitkan atas usaha gigih beliau ialah sebuah kitab yang العواصم من القواصم bernama yang dikarang oleh Al-Qadhi Abi Bakar bin Al-Arabi, bekas Hakim Besar Kerajaan Islam Sevilla di Sepanyol, iaitu sebuah kitab yang menghuraikan masalah sikap dan pendirian para sahabat Rasulullah s.a.w. sesudah beliau wafat. Buku ini sangat penting untuk menolak tuduhan dan toh-

mahan pihak-pihak tertentu, terutamanya dari kalangan Syiah yang dilemparkan ke atas para sahabat Rasulullah s.a.w. yang terkemuka, seperti Sayyidina Abu Bakar, Umar dan Usman serta para sahabat yang beroleh jaminan masuk syurga daripada Rasulullah s.a.w. sendiri.

Demikian catatan ringkas mengenai Sayyid (tuan) Muhibuddin Al-Khatib, pengarang buku kecil ini, yang telah menyemai bakti kepada agama Allah dalam tempoh hidupnya mulai Syawal 1303 hingga Syawal 1389H. Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas rohnya. Amin.

Bismillaahirrahmaanirrahiem

MASALAH Mencari Pendekatan di Antara MAZHAB-MAZHAB DAN GOLONGAN-GOLONGAN UMAT ISLAM

Masalah mencari pendekatan di antara seluruh umat Islam di dalam segi pemikiran, pendirian, haluan dan matlamat hidup adalah merupakan suatu masalah yang sangat dipandang berat oleh agama Islam; di samping ianya merupakan suatu cara yang paling berkesan untuk mencapai kekuatan, kebangkitan dan ketenteraman hidup mereka. Ia juga merupakan suatu sumber kebajikan untuk seluruh umat Islam dalam usaha mencapai perpaduan di kalangan mereka di setiap generasi dan tempat.

Seruan dan kempen ke arah pendekatan seperti itu, jika tidak disertai oleh sesuatu motif lain, juga tidak menimbulkan sesuatu ancaman yang membahayakan, wajibkah disahut dan disambut oleh setiap orang penganut agama Islam dengan memberikan sepenuh kerjasama ke arah kejayaannya.

Di masa-masa kebelakangan ini perbincangan mengenai usaha-usaha ke arah mencari pendekatan seperti ini sedang rancak dipercakapkan orang dan semakin mendapat sambutan dan galakan; hingga Universiti Al-Azhar sendiri, sebagai sebuah institusi pengajian tinggi agama yang terbesar di kalangan umat Islam Ahli-Sunnah yang berpandukan kepada mazhab empat di dalam ilmu fiqah, telah ikut mengambil bahagian yang aktif untuk menjayakan usaha mencari pendekatan itu. Memang usaha-usaha ke arah mencari pendekatan seperti ini telah dilakukan oleh Universiti Al-Azhar sejak lama dahulu, iaitu sejak zaman pemerintahan Sultan Salahuddin Al-Ayyubi hinggalah sekarang ini, tanpa putus-putusnya. Walaupun usaha mencari pendekatan seper-

ti ini adalah di luar daripada bidang tugasnya. Universiti Al-Azhar masih terus sahaja mengambil langkah positif untuk berkenal biasa dengan mazhab-mazhab yang lain dari mazhab Ahli-Sunnah. Di antara mazhab-mazhab diberikan perhatian itu ialah mazhab Syiah Imam dua belas. Bidang ini masih sahaja diterokai oleh Universiti Al-Azhar.

Oleh yang demikian maka masalah mencari pendekatan ini perlu sangatlah dikaji, diselidik, dipelajari dan didedahkan oleh setiap orang yang berminat kepada masalah ini, di samping mencari penyelesaian terhadap sesuatu kerumitan, kekeliruan dan rintangan, juga mendedahkan kesimpulan yang diperolehinya sebagai hasil dari kajian dan penyelidikannya itu.

Dan oleh kerana memang telah menjadi resam dan kebiasaan bahawa masalah-masalah yang berkaitan dengan agama itu adalah masalah-masalah yang sukar, seni dan rumit, maka mencari penyelesaian dan kesimpulan mengenainya juga perlukah dilakukan dengan penuh penelitian, kebijaksanaan dan pandangan jauh. Di samping itu usaha mengkaji selidik itu hendaklah dibuat dengan cara berpandu dan bersandar kepada punca dan sumber rujukan yang asli, dengan cara berpandu kepada petunjuk Allah serta bersikap adil di dalam membuat keputusan dan kesimpulan, supaya usaha itu dapat matlamatnya dan dapat pula memberikan hasil yang berfaedah. Insyaa-Allah.

Perkara utama yang menjadi perhatian kami di dalam usaha melakukan kaji selidik ini, dan juga di dalam setiap urusan yang hubungannya menyentuh lebih dari satu pihak, bahawa salah satu daripada punca kejayaan usaha itu ialah wujudnya persefahaman di antara kedua belah ataupun semua pihak yang mempunyai hubungan ataupun yang terlibat dengan usaha mencari pendekatan ini.

Sebagai contohnya ialah usaha mencari pendekatan di antara golongan Ahli-Sunnah dengan golongan Syiah. Adalah didapati bahawa telah ditubuhkan sebuah badan khas untuk menjalankan usaha mencari pendekatan seperti itu di negeri Mesir yang dibiayai sepenuhnya daripada peruntukan anggaran belanja rasmi sebuah Negara Syiah. Memanglah

negara Syiah yang berkenaan telah bermurah hati memberikan peruntukan rasmi seperti itu supaya dilakukan usaha mencari pendekatan di antara mazhab Ahli-Sunnah dengan Syiah itu di negara Mesir sebagai sebuah negara benteng mazhab Ahli-Sunnah; tetapi di sebalik itu Negara Syiah yang berkenaan telah bersikap bakhil dan kedekut terhadap diri dan golongan mereka sendiri kerana didapati ia tidak pernah mengeluarkan sebarang peruntukan pun untuk menubuhkan sebuah badan untuk mencari pendekatan itu di Taheran, ataupun di bandar Qoum, ataupun di bandar Najef atau Jabal 'Amil, ataupun di lain-lain pusat penyiaran mazhab Syiah. (1).

Dan di sebalik usaha mencari pendekatan yang dilakukan di kalangan golongan Ahli-Sunnah seperti yang telah diterangkan tadi, Yayasan-yayasan dan badan-badan penyebar-aran ajaran Syiah, di masa-masa kebelakangan ini juga, telah pun menerbitkan beberapa buah buku dan kitab yang isi kandungannya sama sekali memusnahkan segala usaha dan rancangan ke arah mencari pendekatan itu. Di antara sekian banyak kitab itu ialah sebuah kitab yang bernama الزهراء (Az-Zahraa') setebal tiga jilid yang telah diterbitkan oleh alim ulama bandar Najef, yang mana mereka telah menyebutkan bahawa Amirul-Mukminien Sayyidina Umar bin Al-Khattab

(1) Sikap berat sebelah seperti ini memang menjadi amalan golongan Syiah di sepanjang zaman. Sebagai akibatnya maka para pendakwah mereka telah bertebaran di negara-negara kediaman golongan Ahli-Sunnah dan telah berhasil mengubah keadaan negara Iraq daripada sebuah negara golongan Ahli-Sunnah dengan golongan Syiah sebagai minoriti menjadi negara golongan Syiah dengan golongan Ahli-Sunnah sebagai minoriti. Di samping itu Imam Jalaluddin As-Suyuti telah mengarang sebuah kitab khas mengenai masalah ini yang diberi nama الحارثي للفتاوى cetakan Matba'ah Al-Muniriah, Juz (1) halaman 330; kerana pada zaman itu seorang pendakwah Syiah yang terkemuka telah datang ke Mesir dari Iran untuk menyebarkan fahaman Syiah. Dengan maksud untuk menangkis serangan dan tuduhan pendakwah Syiah yang berkenaan juga Imam Jalaluddin As-Suyuti telah mengarang sebuah kitab yang diberi nama

مفتاح الجنة في الاعتصام بالسنة

Yang Bermaksud: "Anak kunci Syurga – pada menyatakan betapa mustahaknya berpegang teguh kepada Sunnah."

telah dihinggapinya oleh sejenis penyakit yang hanya boleh disembuhkan dengan air mani lelaki.

Perkara ini telah disaksikan sendiri oleh Al-Ustaz Al-Basyir Al-Ibrahim, Ketua Alim Ulama al-Jazair di dalam lawatan kali pertamanya ke Iraq.

Roh dan semangat yang najis dan kotor, yang berpunca daripada sikap takassub bermazhab seperti inilah yang perlu dihindarkan terlebih dahulu, mendahului seruan yang ditujukan kepada kita golongan Ahli-Sunnah.

Dan jika benarlah bahawa jurang yang memisahkan di antara kita dengan mereka itu, seperti yang mereka dakwakan, ialah bahawa merekalah golongan yang lebih banyak menumpahkan taat setia kepada kaum keluarga Rasulullah s.a.w. (ahli-bait), sedangkan kita golongan Ahli-Sunnah itu kurang menumpahkan taat setia kepada kaum keluarga Rasulullah s.a.w. ataupun ahli-bait, dan juga bahawa merekalah golongan yang memendam — malah melahirkan dan mendedahkan — perasaan benci kepada para sahabat Rasulullah s.a.w. yang menjadi tonggak keagungan Islam, hingga tergamak mereka melemparkan tohmah yang begitu keji kepada Amirul-Mukminien Sayyidina Umar bin Al-Khattab r.a.; maka adil sangatlah sekiranya mereka mula membuktikan sikap terbuka iaitu dengan cara meringankan tuduhan dan tohmah terhadap para pemimpin Islam yang terkemuka di zaman pertama dahulu. Juga adil sekalilah jika mereka sanggup menyatakan sikap terima kasih secara terbuka pula kepada kita dari golongan Ahli-Sunnah kerana mengamalkan sikap hormat kepada seluruh kaum keluarga Rasulullah s.a.w. dan tidak mengamalkan sikap acuh tak acuh terhadap kewajipan memberikan taat setia kepada seluruh ahli-bait itu; kecuali sikap kita tidak memuja dan mendewa-dewakan ahli-bait itu sebagai Tuhan-tuhan yang berhak disembah, seperti yang dapat dilihat dari bukti-bukti sikap golongan Syiah yang cuba hendak disesuaikan dengan kita.

Di samping itu pula sikap positif dan jujur hendaklah diamalkan oleh kedua belah pihak yang hendak mencari pendekatan itu; kerana kerjasama yang berkesan itu tidak akan dapat tercapai tanpa kesanggupan kedua pihak yang terlibat itu memberikan sambutan masing-masing, dalam

erti saling memberi dan menerima, dan bukan dari sebelah pihak sahaja, seperti yang berlaku sekarang ini.

Di antara bukti yang dapat dilihat sekarang tentang betapa menonjolnya sikap berat sebelah itu ialah bahawa usaha ke arah pendekatan ini ialah bahawa kegiatan seperti itu hanya ditaja di sebelah pihak sahaja, iaitu di ibu kota negara Ahli-Sunnah sahaja, Mesir. Manakala di sebelah pihak Syiah tiada sebarang usaha seimbang yang telah dilakukan. Juga usaha memasukkan mata pelajaran mengenai pendekatan mazhab-mazhab ini sebagai salah satu mata pelajaran di institusi-institusi pengajian tinggi hanya dilakukan oleh sebelah pihak sahaja, iaitu Universiti Al-Azhar dari kalangan Ahli-Sunnah sahaja, tanpa sebarang langkah seperti itu telah diambil di kalangan Syiah kerana tiada sebuah pun pusat pengajian tinggi Syiah yang telah memasukkan mata pelajaran itu di dalam kurikulum pengajian mereka. Jika benar-benar kedua belah pihak jujur hendak mencari pendekatan, maka keadaan yang berat sebelah seperti ini hendaklah segera diselesaikan. Tanpa kesungguhan dan kejujuran dari kedua belah pihak itu, maka tidak usah diharapkan bahawa usaha itu akan mencapai kejayaan, malah akan menimbulkan implikasi yang buruk dan tidak menyenangkan.

Dan sesungguhnya di antara cara pendekatan yang paling tidak bermakna dan tidak akan menghasilkan sesuatu yang baik itu ialah apabila usaha-usaha ke arah pendekatan itu hanya dimulai di dalam bidang-bidang yang menjadi cabang sahaja, bukan bidang yang asasi dan dasar.

FIKAH ISLAM

Dari segi fikah Islam, kedua-dua golongan Ahli-Sunnah dan Syiah itu saling tidak berpandu kepada asas-asas dan dasar-dasar yang dapat diterima oleh kedua belah pihak; kerana sistem perundangan yang bersandar hukum fikah di sisi keempat-empat Imam mazhab Ahli-Sunnah adalah bersandarkan kepada asas-asas dan dasar-dasar yang lain daripada asas-asas dan dasar-dasar bagi perundangan di sisi golongan Syiah. Oleh yang demikian selama belum dapat dicapai kata sepakat dan persefahaman di kalangan kedua-

dua pihak mengenai asas-asas, dasar-dasar dan kaedah-kaedah yang berkenaan terlebih dahulu sebelum membincangkan masalah-masalah cawangan dan sampingan, juga selama masih belum tercapai persefahaman di antara kedua-dua belah pihak mengenai masalah pengajian agama di institusi-institusi pengajian agama kedua-dua pihak, maka tidak ada gunanya menghabiskan waktu membincangkan masalah-masalah cabang (furu') sahaja, tanpa memberi perhatian kepada perkara pokok (USUL). Dan yang kami maksudkan dengan perkataan "USUL" di sini bukanlah sekadar asas, dasar dan pokok atau pun "USUL" fiqah sahaja, tetapi ialah USUL dan asas-asas akidah dan pokok kepercayaan agama di kalangan kedua-dua belah pihak.

MASALAH TIPU MUSLIHAT [AT-TAQIYYAH]

Di antara perkara-perkara yang menjadi penghalang besar bagi wujudnya pendekatan dan persefahaman yang jujur dan ikhlas di antara kita dengan golongan Syiah itu ialah masalah yang mereka sebutkan sebagai TIPU MUSLIHAT ataupun "At-Taqiyyah"; kerana At-Taqiyyah itu adalah merupakan suatu kepercayaan dan pegangan hidup beragama yang membolehkan mereka menunjukkan sikap lahir yang berlainan daripada apa yang sebenarnya terpendam di dalam hati dan jiwa mereka. Dengan demikian maka setiap orang yang ikhlas dan jujur daripada kalangan Ahli-Sunnah akan tertipu dengan sikap pura-pura mereka untuk mencari pendekatan dan persefahaman, sedangkan mereka sendiri tidak inginkan pendekatan dan persefahaman itu, bahkan mereka tidak reda dan tidak akan berusaha ke arah itu. Dengan demikian maka usaha ke arah pendekatan itu berlaku bagaikan bertepuk sebelah tangan sahaja, sedangkan di sebelah lagi tinggal pejal dan kaku tidak bergerak hatta sekadar sehelai rambut pun.

Walaupun pihak-pihak yang mewakili golongan yang mengamalkan prinsip "At-Taqiyyah" itu beria-ia benar memberikan jaminan kepada pihak kita bahawa pihak mereka telah pun mengorak beberapa langkah ke hadapan di dalam usaha mencari pendekatan dan persefahaman itu, namun majoriti golongan Syiah masih tetap sahaja mencirikan diri daripada para wakil yang berkenaan dan tidak

mahu mengiktirafhak wakil itu untuk memberi jaminan seperti yang telah dikemukakan itu.

MEMPERTIKAIKAN KESEMPURNAAN AL—QURAN

Al-Qur'anul Karim memang sewajibnya menjadi sumber rujukan yang lengkap dan menyeluruh bagi kita dan juga bagi mereka di dalam usaha mencari pendekatan dan persefahaman itu; tetapi asas-asas agama ataupun USUL-UDDIN di sisi mereka adalah berlandasan kepada takwilan ayat-ayat Al-Quran itu mengikut cara dan kaedah yang lain daripada yang telah difahamkan oleh para sahabat Rasulullah s.a.w., dan juga mengikut cara dan kaedah yang lain daripada yang telah difahami oleh iman-imam dan tokoh-tokoh agama Islam generasi pertama dahulu, iaitu generasi turunnnya Al-Quran itu. Bahkan salah seorang tokoh besar alim ulama Syiah di bandar Najef, iaitu Al-Haji Mirza Hussain bin Muhammah Taqie An-Nuri At-Tabrasi — seorang tokoh ulama yang sangat dihormati dan dipandang mulia oleh masyarakat Syiah — (Dan sebagai bukti dari penghormatan itu ialah apabila beliau meninggal dunia di dalam tahun 1320 Hijriah, jenazahnya telah dikebumikan di dalam bangunan MURTADHAWI yang dipandang suci di Najef, iaitulah di dalam kawasan bilik perkuburan Banu Al-'Uzma, puteri kepada Sultan An-Naasiru liddiinillah; suatu tempat permakaman yang dipandang suci dan mulia oleh golongan Syiah). Tokoh ulama ini telah mengarang sebuah kitab di kota Najef yang dipandang sebagai sebuah kota suci tempat terletakinya makam Sayyidina 'Ali. Kitab karangan beliau itu diberi nama

فصل الخطاب في إثبات تحريف كتاب رب الارباب

Yang bermaksud: “*Kata pemutus untuk membuktikan berlakunya penyelewengan Kitab Suci Tuhan.*”

Di dalam kitab karangannya itu, ulama Syiah yang terkemuka itu telah mengumpulkan beratus-ratus nas dan text tulisan serta pendapat para alim ulama dan mujtahid Syiah dari berbagai zaman yang mengatakan bahawa Kitab

Suci Al-Quran telah terlibat dengan penambahan dan pengurangan.

Kitab karangan At-Tabrasi ini telah dicetak di negara Iran di dalam tahun 1289 Hijriah. Pada ketika kitab yang berkenaan diterbitkan telah berlaku suatu kegemparan di dalam kalangan masyarakat Syiah; kerana orang-orang Syiah mahu supaya keraguan mengenai kemurnian dan kesempurnaan Al-Quran itu terbatas di dalam kalangan dan lingkungan masyarakat Syiah sahaja dan supaya ianya diselitkan di dalam beratus-ratus buah kitab yang menjadi pegangan mereka sahaja. Mereka juga mahu supaya jangan sekali-kali hujah yang mengatakan bahawa Al-Quran telah dipinda itu dikumpulkan di dalam sebuah kitab sahaja dan kitab itu pula dicetak beribu-ribu naskah dan dapat dibaca oleh musuh-musuh mereka; supaya jangan pula hal yang demikian itu menjadi hujah dan alasan untuk membuktikan keburukan dan mendedahkan kejahatan mereka kepada masyarakat umum umat Islam di luar daripada kalangan Syiah. Apabila bertambah ramai para cerdik pandai dari kalangan mereka menyuarakan rasa tidak setuju atas penerbitan kitab yang boleh membuka pekung mereka sendiri itu seperti yang telah disebutkan di atas tadi, maka At-Tabrasi telah membantah keras pendapat itu lalu mengarang sebuah lagi kitab yang diberi jodol:

رد بعض الشبهات عن فصل الخطاب في اثبات تحريف كتاب رب الأرباب

Yang Bermaksud: *“Jawapan terhadap beberapa kekeliruan yang telah ditimbulkan ke atas Kitab Kata Pemutus untuk membuktikan berlakunya penyelewengan Kitab Suci Tuhan.”* Kitab berkenaan telah dikarangnya di penghujung hayatnya, iaitu dua tahun sebelum beliau meninggal dunia.

Dan sebagai menghargai jasanya membuktikan bahawa Kitab Suci Al-Quran itu telah dipinda dan diselewengkan, maka masyarakat Syiah telah mengkebumi beliau di suatu tempat yang istimewa di dalam kawasan Makan Sayyidina Ali yang dipandang suci di bandar Najef.

Di antara hujah yang dikemukakan oleh At-Tabrasi mengenai berlakunya pindaan ke atas Kitab Suci Al-Quran itu ialah huraianya di dalam halaman 180 kitab berkenaan dalam mana beliau telah mengemukakan suatu surah yang

selalu disebut-sebut oleh orang Syiah sebagai Surah **Al-Wilaayah** (Masalah kepemimpinan) dalam mana telah disebutkan mengenai kepemimpinan Sayyidina Ali yang berbunyi begini:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا بِالنَّبِيِّ وَالْوَلِيِّ الَّذِينَ بَعَثْنَاهُمَا يَهْدِيَاكُمْ إِلَى الصِّرَاطِ
الْمُسْتَقِيمِ... الخ.

Maksud: *Wahai orang-orang yang beriman kepada nabi dan juga kepada wali (pemimpin) yang telah Kami utuskan, yang kedua-dua mereka akan memberi hidayat petunjuk dan pimpinan kepada kamu sekalian ke arah jalan yang lurus . . hingga ke akhir ayat.*

Al-Ustaz Muhammad 'Ali Saudi, ketua pakar penyelidikan di Kementerian Keadilan Negara Mesir dan salah seorang murid yang erat hubungannya dengan Syeikh Muhammad 'Abduh, telah menyaksikan sendiri senaskah Al-Quran tulisan tangan yang berasal dari Iran dan dimiliki oleh seorang orientalis bernama Bryne, lalu beliau pun mengambil salinan gambar Al-Quran yang berkenaan melalui alat penggambaran fotografi. Yang beliau ambil gambarnya ialah ayat-ayat yang telah disebutkan di atas tadi, di mana terdapat terjemahannya di dalam bahasa Iran di sebelah atas daripada tulisan bahasa Arab.

Di samping pendedahan yang telah dilakukan oleh At-Tabrasi seperti yang disebutkan sebelum ini, masalah penyelewengan Al-Quran itu juga terdapat di dalam sebuah kitab mereka di dalam bahasa Iran yang diberi nama **DISTAN MADZAHIB** yang dikarang oleh Muhsien Fani Al-Kasymiri. Kitab ini telah dicetak di Iran beberapa kali dan dari kitab inilah orientalis Noladkeh telah menyalin Surah palsu ini ke dalam buku karangannya yang bernama **SEJARAH MAS-HAF-MAS-HAF**, Juz (2) halaman 102 dan telah disiarkan oleh akhbar **ASIA** yang diterbitkan di negara Perancis di dalam tahun 1842, halaman 431 hingga 439.

Selain daripada kitab karangan At-Tabrasi yang mengemukakan bukti bahawa Kitab Suci Al-Quran itu telah dipinda dan diselewengkan, dengan mengemukakan surah **AL-WILAYAH** yang dianggap telah sengaja digugurkan dari

kandungan Al-Quran, maka masalah pindaan dan penyelewengan Al-Quran itu juga telah disebutkan dengan jelas sekali di dalam kitab hadis mereka yang bernama AL-KAAFI (iaitu kitab hadis yang menjadi pegangan orang-orang Syiah dan dianggap setaraf dengan kitab Sahih Al-Bukhari di sisi kita golongan Ahli-Sunnah); iaitu di dalam halaman 289, cetakan tahun 1278 di Iran. Nas atau text kitab AL-KAAFI itu ialah seperti berikut;

رَوَى عِدَّةٌ مِنْ أَصْحَابِنَا عَنْ سَهْلِ بْنِ زِيَادٍ عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ سُلَيْمَانَ عَنْ
بَعْضِ أَصْحَابِهِ عَنْ أَبِي الْحَسَنِ عَلَيْهِ السَّلَامُ (اي ابوالحسن الثانى
على بن موسى الرضا المتوفى سنة ٥٠٦) قَالَ: قُلْتُ لَهُ جَعَلْتُ فِدَاكَ
إِنَّا نَسْمَعُ الْآيَاتِ فِي الْقُرْآنِ لَيْسَ هِيَ عِنْدَنَا كَمَا نَسْمَعُهَا وَلَا نُحْسِنُ أَنْ
نَقْرَأَهَا كَمَا بَلَّغْنَا عَنْكُمْ فَهَلْ نَأْتُمُّ؟ فَقَالَ: لَا. اقْرَءُوا كَمَا تَعَلَّمْتُمْ سَيَجِئُكُمْ
مَنْ يُعَلِّمُكُمْ.

Maksudnya: Beberapa orang sahabat kami telah meriwayatkan hadis dari Sahal bin Ziad, dari Muhammad bin Sulaiman, dari sebahagian sahabatnya, dari Abil-Hasan 'alaihis-salam (iaitu Abu Hasan yang kedua, 'Ali bin Musa Ar-Ridha). Beliau telah berkata: "Saya telah mengatakan kepadanya bahawa saya tetap menyokong dan membela tuan, sesungguhnya kami ada mendengar bahawa ada beberapa ayat di dalam Al-Quran yang tidak serupa dengan Al-Quran yang ada pada kita seperti yang pernah kami dengar dan kami tidak berapa gemar membacanya seperti Al-Quran yang kami pelajari daripada tuan dahulu. Adakah kami berdosa kalau membaca Al-Quran itu? Maka jawab beliau "Tidak berdosa! Bacalah Al-Quran itu seperti yang kamu pelajari; sebab akan tiba juga masanya kamu akan didatangi oleh orang yang akan mengajar kamu Al-Quran yang sebenarnya . . ."

Memang tidak syak lagi bahawa perkataan seperti itu telah dibuat-buat dan direka oleh orang-orang Syiah lalu dinisbahkan kepada Imam mereka 'Ali bin Musa Ar-Ridha. Namun demikian adalah menjadi anggapan umum di kalangan mereka bahawa tidak berdosa orang yang membaca Al-Quran seperti yang dibaca oleh orang ramai dari Mas-haf Sayyidina Usman.

Di samping itu imam-imam Syiah akan mengajar dan memberitahu kepada mereka mengenai perbezaan-perbezaan di antara mush-haf Usman itu mengikut dakwaan mereka bahawa perbezaan itu memang wujud ataupun didapati di dalam simpanan imam-imam mereka dari kalangan kaum keluarga Rasulullah s.a.w.

Dan bagi tujuan membuat perbandingan di antara Al-Quran yang mereka dakwakan sebagai yang asli dan sempurna itu, yang saling mereka rahsiakan juga di kalangan mereka sesama mereka, juga tidak boleh disebarkan dengan secara terbuka kerana mengamalkan prinsip TIPU MUSLIHAT ataupun "At-Taqiyyah" itu dengan Al-Quran asli yang sama-sama dikenali dan tersebar luas juga dirakamkan, sebagai Mas-haf Usman, maka bagi tujuan di atas itulah Hussain bin Muhammad Taqie At-Tabrasi telah mengarang kitabnya " فصل الخطاب في إثبات تحريف كتاب رب الارباب " itu.

Walaupun orang-orang Syiah berpura-pura melahirkan sikap tidak bersetuju dengan isi kandungan kitab karangan At-Tabrasi itu, kerana mereka mengamalkan prinsip TIPU MUSLIHAT atau "At-Taqiyyah" mereka, namun kitab berkenaan mengandungi beratus-ratus nas yang bersumber daripada alim ulama mereka, juga yang disedut daripada kitab-kitab karangan ulama mereka yang mereka percayai dan mereka anggap sebagai muktabar dan boleh dijadikan panduan; yang kesemuanya membuktikan bahawa mereka yakin sepenuhnya tentang berlakunya pindaan dan penyelewengan di dalam naskah Al-Quran Mah-shaf Usman; tetapi mereka tidak mahu menghebohkan akidah kepercayaan mereka itu secara terbuka.

Dari keterangan di atas nyatalah bahawa orang-orang Syiah percaya dan yakin bahawa Al-Quran itu ada dua buah; iaitu yang pertama ialah Al-Quran Mas-haf Usman

yang diketahui dan dikenali ramai dan keduanya ialah Al-Quran khas yang tersembunyi dan sengaja dirahsiakan daripada orang ramai. Di antara isi kandungan Al-Quran yang dirahsiakan itu ialah suatu surah yang dinamakan sebagai surah AL-WILAYAH yang mengandungi keterangan mengenai masalah kepimpinan. Orang-orang Syiah beranggapan bahawa mereka mendapat maklumat mengenai surah yang dirahsiakan itu daripada pesanan yang kononnya dibuat oleh Imam mereka 'Ali bin Musa Ar-Ridha yang (kononnya) telah mengatakan: "Bacalah Al-Quran seperti mana yang kamu sekalian pelajari itu, sebab akan tiba juga orang yang akan mengajar kamu sekalian Al-Quran yang sebenarnya . . ."

Di antara sekian banyak dakwaan mengenai isi kandungan Al-Quran itu ialah bahawa telah sengaja digugurkan

suatu ayat yang berbunyi: " وَجَعَلْنَا عَلِيًّا صَهِرَكَ " yang bermaksud: "*Dan Kami telah jadikan 'Ali itu menantu kamu..*" Yang mereka dakwa ayat itu telah sengaja digugurkan

daripada Surah Alam Narsyrah الم نشرح

Sungguh tidak bermalu mereka yang sanggup membuat tuduhan palsu seperti itu; sedangkan mereka pun mengeta-

hui bahawa Surah Alam-Narsyrah الم نشرح itu adalah sebuah Surah Makkiyah; dan Sayyidina 'Ali sendiri pada ketika berada di Mekah masih belum menjadi menantu Rasulullah s.a.w. kerana menantu tunggal Rasulullah s.a.w. ketika masih tinggal di Mekah ialah Al-'Aas bin Ar-Rabie Al-Amawi yang telah mendapat kepujian daripada Rasulullah s.a.w. di dalam ucapan di atas mimbar masjidnya pada ketika Sayyidina 'Ali bercadang hendak berkahwin dengan anak perempuan Abu Jahal sebagai madu kepada Siti Fatimah, lalu Siti Fatimah pun datang mengadukan cadangan Sayyidina 'Ali seperti itu kepada ayahandanya iaitu Rasulullah s.a.w.

Jika benarlah perihal Sayyidina 'Ali yang menjadi menantu Rasulullah s.a.w. itu dianggap perlu diabadikan di

dalam sebutan Al-Quran, sedangkan beliau berkahwin dengan hanya seorang sahaja puteri Rasulullah s.a.w, maka kenapakah Sayidina Usman tidak dipandang perlu diabadikan di dalam sebutan Al-Quran sedangkan beliau telah berkahwin dengan dua orang puteri Rasulullah s.a.w. dan juga sangat disayangi oleh mertuanya Rasulullah s.a.w.; kerana apabila isterinya yang kedua wafat, maka Rasulullah

s.a.w. telah bersabda begini: **لَوْ كَانَتْ لَنَا ثَالِثَةٌ لَزَوَّجْنَاكِهَا يَا عُمَانُ**

Maksudnya: *Kalau kami masih ada seorang lagi anak perempuan, nescaya kami kahwinkan denganmu wahai Usman!*

Ini jelas sekali membuktikan betapa kasih dan sayangnya Rasulullah s.a.w. kepada Sayyidina Usman r.a.!

Di samping itu pula salah seorang ulama Syiah yang terkemuka, iaitu Abu Mansur Ahmad bin 'Ali bin Abi Talib At-Tabrasi (salah seorang guru bagi anak Sayahru Aasyub yang meninggal dunia di dalam tahun 588H) telah menyatakan di

dalam kitab karangannya yang bernama **الاحتجاج على اهل اللجاج** bahawa Sayyidina 'Ali Karramallahu-Wajhahu telah berkata kepada seorang Zindiq (yang menentang beliau) sebagai berikut:

وَأَمَّا ظُهُورُكَ عَلَيَّ تَنَاقُرُ قَوْلِهِ تَعَالَى

Maksudnya: *Adapun penderhakaanmu kepadaku ini berlawanan dengan firman Allah*

وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُقْسِطُوا فِي الْيَتَامَىٰ فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ

Maksudnya: *“Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka) maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan lain. . .”*

Sesungguhnya berlaku adil terhadap anak-anak yatim itu tidaklah serupa dengan masalah mengahwini perempuan-perempuan; sebab bukanlah setiap orang perempuan itu yatim belaka; iaitulah yang telah saya sebutkan terdahulu

dari ini mengenai perbuatan orang-orang munafiq (1) yang telah menggugurkan daripada Al-Quran antara perkataan “anak-anak yatim” dan “mengahwini perempuan-perempuan.” Banyak lagi ayat-ayat dan cerita, sebanyak lebih satu pertiga isi kandungan Al-Quran . . .

BERDUSTA DAN MEMBUAT FITNAH, SAMPAI KEPADA PERIBADI SAYYIDINA ALI SENDIRI

Apa yang telah kami sebutkan tadi adalah hanya sebahagian kecil sahaja daripada perbuatan dusta mereka ke atas peribadi Sayyidina ‘Ali sendiri. Buktinya ialah bahawa di dalam zaman menjadi Khalifah, Sayyidina ‘Ali sendiri tidak pernah membuat sebarang pengisytiharan mengenai isi kandungan Al-Quran yang dikatakan telah digugurkan daripada Mashaf Usman itu dan beliau juga tidak pernah mengeluarkan sebarang perintah dan arahan supaya kaum Muslimin beramal dan berpandu kepada hukum-hakam yang terkandung di dalam satu pertiga isi Al-Quran yang didakwakan sebagai telah digugurkan itu.

(1) Yang dimaksudkan oleh pangarang kitab berkenaan, iaitu Abu Mansur At-Tabarasi dengan perkataan “orang-orang Munafiq” itu ialah para sahabat Rasulullah s.a.w. yang telah mengumpulkan Al-Quran yang telah ikut diiktiraf oleh Sayyidina Ali sendiri di dalam zaman pemerintahannya, iaitu dengan memakai sepenuhnya kandungan Mas-haf Usman itu. Jika benarlah perkataan Sayyidina Ali seperti yang didakwakan oleh pengarang kitab **الاحتجاج على اهل اللجاج** itu betul-betul diucapkan oleh Sayyidina Ali r.a.

nescaya perkataan seperti itu merupakan suatu pengkhianatan terhadap Islam, kerana beliau masih menyembunyikan satu pertiga isi kandungan Al-Quran dan tidak menyampaikan kepada orang ramai dan beliau sendiri pun tidak beramal mengikut panduan isi Al-Quran yang dirahsiakannya serta tidak menyuruh rakyat jelatanya menyiar dan mengamalkannya, sedangkan di dalam zaman pemerintahannya tiada suatu halangan pun yang menyekat beliau berbuat demikian. Lagi pula perbuatan menyembunyikan satu pertiga isi kandungan Al-Quran itu adalah perbuatan munafiq yang terkutuk. (Jika benarlah beliau yang berkata demikian). Dari sinilah anda dapat mengetahui bahawa Abu Mansur At-Tabarasi pengarang kitab **الاحتجاج على اهل اللجاج** telah mengecam Sayyidina Ali dan telah

meletakkan beliau setaraf dengan orang-orang yang khianat dan kufur, sebelum pengarang berkenaan mengecam dan mencaci serta menuduh para sahabat Rasulullah s.a.w. yang telah mengumpulkan Al-Quran itu sebagai orang munafiq dan khianat!.

KEGEMBIRAAN PENYERU AGAMA KRISTIAN

Pada ketika kitab **فصل الخطاب في إثبات تحريف كتاب رب الارباب** itu mula-mula diterbitkan dan disebar luaskan di kalangan masyarakat Syiah dan juga bukan Syiah di Iran dan Iraq serta negeri-negeri lain lagi kira-kira lapan puluh tahun yang lalu — sedangkan kitab berkenaan penuh dengan berpuluh dan malah beratus cerita dongeng dan khayalan mengenai Allah SWT dan makhluk pilihan utama-Nya (iaitu Nabi Muhammad s.a.w.) — maka musuh-musuh Islam dari kalangan penyeru dan penyebar agama Kristian pun merasa sangat gembira lalu mereka terjemahkan kitab berkenaan ke dalam berbagai-bagai bahasa mereka. Hal ini telah disebutkan oleh Muhammad Mahdi Al-Isfihani Al-Kazhimi di dalam Juz kedua di halaman 90 kitab karangannya yang bernama **احسن الوديعه** sebagai ulasan dan huraian kepada kitab yang bernama **روضات الجنات**

Ada dua nas yang jelas dan terang di dalam kitab BUKHARI. Orang-orang Syiah yang bernama AL-KAAFI, karangan AL-KILAINI, iaitu:

Pertama: Di halaman 54 cetakan tahun 1278 di Iran (dan di halaman 228 cetakan tahun 1381H, iaitu perkataan;

عَنْ جَابِرِ الْجَعْفِيِّ قَالَ: سَمِعْتُ أَبَا جَعْفَرٍ عَلَيْهِ السَّلَامُ يَقُولُ: مَا دَعَى أَحَدٌ مِنَ النَّاسِ أَنَّهُ جَمَعَ الْقُرْآنَ كُلَّهُ كَمَا أُنْزِلَ إِلَّا كَذَّابٌ وَمَا جَمَعَهُ وَحَفِظَهُ كَمَا أُنْزِلَهُ إِلَّا عَلِيُّ بْنُ أَبِي طَالِبٍ وَالْأَثَمَةُ مِنْ بَعْدِهِ.

Maksudnya: Dari Jaabir Al-Ja'fi, beliau berkata: Saya telah mendengar Abu Ja'far Alaihissalam berkata: "Tiada seorang manusia yang mendakwa bahawa dia telah mengumpulkan Al-Quran seluruhnya sepertimana ia telah diturunkan oleh Allah SWT melainkan dia adalah seorang pendusta; sebab tiada seorang pun yang dapat mengum-

pulkan Al-Quran itu dan juga menghafaznya sepertimana ia telah diturunkan melainkan Sayyidina Ali bin Abi Talib dan imam-imam selepasnya ”

Maka setiap orang Syiah yang membaca kitab AL-KA-AFI ini, yang dianggapnya setaraf dengan kitab SAHIH-EL-BUKHARI di sisi kita orang-orang Ahli-Sunnah, sudah pasti percaya dan beriman sepenuhnya kepada kebenaran nas kitab yang berkenaan seperti yang telah disebutkan di atas.)

Manakala kita dari kalangan Ahli-Sunnah pula menyatakan pendirian kita seperti berikut:

“Sesungguhnya orang-orang Syiah sengaja memandaimandai membuat berita palsu dan dusta ke atas AL-BAAQIR Abi Ja’far Rahimahullah. Dalilnya ialah: Bahawa di dalam zaman pemerintahannya sebagai Khalifah yang berpusat di Bandar Kufah, Sayyidina Ali bin Abi Talib tidak beramal dan berpandu kepada sebarang naskhah Al-Quran yang lain daripada naskhah Mas-haf yang Allah SWT telah kurunkan nikmat-Nya kepada saudaranya Sayyidina Usman bin ‘Affan untuk mengumpul dan menyebarkan ke seluruh pelosok, dan mengisytiharkan supaya Mas-haf Al-Quran itulah dijadikan panduan di sepanjang zaman, hingga sekarang dan terus hingga ke hari kiamat. Dan jika benarlah Sayyidina ‘Ali r.a. mempunyai naskhah Al-Quran yang lain – sedangkan beliau adalah seorang khalifah yang berkuasa penuh dan tidak boleh ditandingi oleh sesiapa pun di dalam bidang kekuasaannya – nescaya beliau sendiri akan beramal mengikut naskhah Al-Quran yang ada padanya dan akan mengeluarkan perintah kepada seluruh kaum Muslimin supaya menyebarkan Mas-hafnya itu. Dan jika benar pula sebahagian daripada Al-Quran itu ada di dalam simpanannya lalu beliau memindanya dan menyembunyikannya kepada seluruh kaum Muslimin, nescaya beliau adalah seorang pengkhianat kepada Allah SWT, Rasul-Nya dan agama Islam yang maha suci. Di samping itu pula, Jaabir Al-Ja’fi yang telah mendakwa bahawa beliau telah mendengar sendiri perkataan yang beracun seperti itu daripada mulut Imam Abi Ja’far Muhammad Al-Baaqir, maka walaupun beliau itu (yakni Jaabir Al-Ja’fi) adalah seorang yang dihormati lagi

dipercayai di dalam kalangan masyarakat Syiah, tetapi bagi kalangan imam-imam dan ulama kaum Muslimin beliau terkenal sebagai seorang pendusta.

Abu Yahya Al-Hammani telah berkata: "Saya telah mendengar Imam Abu Hanifah r.a. berkata: "Dari kalangan ulama yang saya kenal, saya dapati tiada seorang pun yang utama dan mulia daripada 'ATA' (أَتَى) dan tiada seorang pun yang lebih suka berdusta daripada Jaabir Al-Ja'fi." (Sila baca rencana kami di dalam Majalah Al-Azhar halaman 307 tahun 1373H).

Kedua Dan nas yang lebih buruk dusta dan bohongnya daripada nas pertama di dalam kitab AL—KAAFI yang dinisbahkan kepada Abu Jaafar tadi ialah nas yang kedua, dalam mana pembohongan telah diletakkan ke atas peribadi anakanda beliau Ja'far As-Saadiq, juga di dalam kitab AL—KAAFI halaman 57 cetakan tahun 1278 di negara Iran (iaitu di halaman 238 naskhah cetakan tahun 1381H). Nas itu ialah:

عَنْ أَبِي بَصِيرٍ قَالَ: دَخَلْتُ عَلَى أَبِي عَبْدِ اللَّهِ ... إِلَى أَنْ قَالَ أَبُو عَبْدِ اللَّهِ (إِي جَعْفَرُ الصَّادِقُ): وَإِنَّ عِنْدَنَا مُصْحَفُ فَاطِمَةَ عَلَيْهَا السَّلَامُ ... قَالَ: قُلْتُ وَمَا مُصْحَفُ فَاطِمَةَ؟ قَالَ: مُصْحَفٌ فِيهِ مِثْلُ قُرْآنِكُمْ هَذَا ثَلَاثَ مَرَّاتٍ. وَاللَّهُ مَا فِيهِ مِنْ قُرْآنِكُمْ حَرْفٍ وَاحِدٍ.

Maksudnya: *Dari Abi Basiir, beliau telah berkata: "Saya telah datang mengadap Abi Abdillah sehingga Abu Abdillah (iaitu Imam Ja'far As-Shaadiq) pun berkata: "Dan sesungguhnya kita ada mempunyai Mas-haf (yakni Al-Quran) Siti Fatimah Alaihassalam."*

Maka Abi Bashiir pun bertanya: "Bagaimanakah bentuknya Mas-haf Siti Fatimah itu?"

Maka Abu Abdillah (Yakni Ju'far As-Shaadiq) pun menjawab: "Ia adalah sebuah Mas-haf yang tiga kali ganda

besarnya dari Al-Quran yang ada di dalam tangan kamu sekalian. Dan demi Allah di dalam Mas-haf Siti Fatimah itu tiada satu huruf atau perkataan pun yang serupa dengan Al-Quran kamu sekalian."

Sesungguhnya masalah wujudnya nas-nas yang dusta hasil rekaan golongan Syiah yang telah dinisbahkan kepada imam-imam dari keturunan Rasulullah s.a.w. bukanlah suatu perkara baru. Ia telah berlaku sejak beberapa lama dahulu lagi. Sesungguhnya nas-nas seperti itu telah pun dicatat dan dirakam oleh Muhammad bin Ya'kub Al-Killini Ar-Razi di dalam kitab AL-KAAFI yang dipandang sebagai kitab SAHIH—EL—BUKHARI di sisi kita golongan Ahli-Sunnah sejak lebih daripada seribu tahun dahulu lagi. Nas-nas seperti itu lebih tua daripada umur pengarang kitab itu sendiri, kerana beliau sendiri pun telah menyalinnya daripada nenek moyangnya, tokoh-tokoh pendusta dan pengasas fahaman Syiah sejak dahulu kala lagi.

Pada zaman Negara Sepanyol masih di bawah pemerintahan kerajaan Arab Islam dahulu, Imam Muhammad bin Hazm selalu sahaja berdebat dengan para padri dan ahli-agama Kristian mengenai kepalsuan kitab Injil, sambil mengemukakan bukti bahawa kitab Injil itu telah dipinda dan diselewengkan. Bahkan sumber riwayat kitab Injil itu sendiri pun diragukan kejujuran dan kebenarannya. Untuk menjawab hujah itu pada paderi Kristian itu telah mengemukakan hujah balasan kepada Imam Ibnu Hazm bahawa orang-orang Syiah sendiri mengaku bahawa Al-Quran juga telah dipinda dan diselewengkan. Dalam jawapannya kepada hujah para paderi itu Imam Ibnu Hazm telah menyatakan bahawa pengakuan dan juga dakwaan golongan Syiah seperti itu tidak boleh diambil kira dan dijadikan alasan bahawa Al-Quran itu telah dipinda dan diselewengkan, dan tidak sah dijadikan hujah yang boleh melemahkan kaum Muslimin, kerana *orang-orang Syiah itu bukan orang-orang Islam*. (Sila lihat kitab *الفصل في الملل والنحل لابن حزم* karangan Ibnu

Hazm Juz (2) halaman 78 dan Juz (4) halaman 182 cetakan pertama di Kahirah.

PANDANGAN ORANG—ORANG SYIAH MENGENAI MASALAH PEMERINTAH DAN PEMERINTAHAN

Suatu fakta penting yang sukacita kami menarik perhatian para pemerintah dan Kerajaan Islam ialah bahawa asas mazhab Syiah Imam Dua Belas yang selalu juga disebut sebagai *AL—JA'FARIYAH* (الجعفرية) itu adalah ditegakkan di atas kepercayaan bahawa kesemua kerajaan-kerajaan Islam sejak dari zaman wafatnya Rasulullah s.a.w. hinggalah ke zaman sekarang ini, kecuali beberapa tahun zaman pemerintahan Sayyidina 'Ali bin Abi Talib sahaja, dipandang sebagai kerajaan-kerajaan yang tidak sah (حكومات غير شرعية) dan tidak boleh setiap orang Syiah menumpahkan taat setia dengan perasaan ikhlas kepada kesemua kerajaan itu, bahkan setiap orang Syiah itu hendaklah sentiasa memandang serong terhadap kerajaan-kerajaan itu, kerana seluruh kerajaan yang berkenaan, baik yang telah lalu, masih wujud dan akan wujud kelak adalah merupakan kerajaan-kerajaan yang di “rampas” ataupun direbut secara kekerasan dan paksaan. Manakala pemerintah yang sah dan “syar'ie” mengikut pandangan orang-orang Syiah ialah imam-imam yang dua belas itu sahaja, sama ada mereka sempat memegang teraju pemerintahan ataupun tidak. Dengan demikian maka semua pemerintah yang lain daripada imam-imam yang dua belas itu, sama ada yang memerintah dengan baik dan adil sekalipun, seumpama Sayyidina Abu Bakar dan Sayyidina Umar, dan juga pemerintah-pemerintah yang telah menjalankan kegiatan menyebarkan agama Islam ke seluruh pelosok dunia, mengikut pandangan orang Syiah, adalah pemerintah yang tidak sah dan tidak boleh diiktiraf hingga ke hari kiamat.

PERASAAN BENCI DAN DENDAM YANG TIDAK BERHABISAN TERHADAP SAYYIDINA ABU BAKAR DAN SAYYIDINA UMAR

Orang-orang Syiah tidak berhenti-hentinya mengutuk dan menyumpah seranah Sayyidina Abu Bakar, Umar dan Usman bin 'Affan; serta setiap orang yang memegang teraju

pemerintahan negeri Islam selain daripada Sayyidina 'Ali bin Abi Talib. Mereka juga telah sanggup melakukan pembohongan ke atas Imam Abil Hasan Ali bin Muhammad bin Musa dengan mengatakan bahawa beliau telah merestui tindak tanduk para pengikutnya yang telah memanggil Sayyidina Abu Bakar dan Sayyidina Umar sebagai "Al-Jibt" ataupun "Syaitan" dan Taghut. Perkara ini telah pun disebutkan dengan jelasnya di dalam sebuah kitab yang mereka pandang paling lengkap dan sempurna dalam ilmu analisa peribadi periwayat hadis الجرح والتعديل iaitu kitab

الرجال تنقيح المقال في احوال الرجال karangan Syeikh golongan Ja'fariah, iaitulah Al-Allamah Ayatullah AL—MAQAANI (juz pertama halaman 207 cetakan Matba'ah Al-Murtadhwiyah di Bandar Najef tahun 1352H); iaitu seperti yang telah disalinnya daripada seorang Syeikh yang mulia lagi pentahqiq, Muhammad bin Idris Adris Al Hulie di hujung kitab السرائر

yang menghuraikan maksud kitab مسائل الرجال ومكاتباتهم

الى مولانا ابي الحسن علي بن محمد بن علي بن موسى عليه السلام di dalam kumpulan masalah yang dibuat oleh Muhammad bin Ali Isa di mana beliau telah menyatakan: "Saya telah menulis surat kepada (iaitu kepada Maulana Abil Hassan Ali bin Ali bin Isa a.s.) sambil bertanya masalah An-Naasib

الناصب, iaitu orang yang memusuhi kaum keluarga Rasulullah s.a.w., sama ada saya perlu membuat penyelidikan mengenai pendiriannya ke suatu peringkat yang lebih daripada sikapnya menghormati syaitan dan Taghut (yakni sikap menghormati dua orang tokoh sahabat Rasulullah s.a.w. yang juga merupakan dua orang menteri kanannya, iaitulah Sayyidina Abu Bakar dan Sayyidina Umar) dan juga sikapnya mengiktiraf kedua-dua orang syaitan dan taghut itu sebagai pemimpin kaum muslimin? Maka jawapan yang saya terima ialah: "Sesiapa sahaja yang bersikap demikian (yakni menghormati dan mengiktiraf Sayyidina Abu Bakar dan Sayyidina Umar sebagai pemimpin dan pemerintah yang sah bagi kaum Muslimin) maka dia adalah seorang Naasib

yang memusuhi kaum keluarga Rasulullah s.a.w. (Aalil-bait). Ini memberi pengertian bahawa cukuplah seseorang itu dipandang sebagai musuh keluarga Rasulullah s.a.w. apabila sahaja dia lebih memberi keutamaan dan juga menghormati Sayyidina Abu Bakar dan Sayyidina Umar serta mengiktiraf mereka sebagai Khalifah yang sah bagi kaum Muslimin.

Manakala perkataan **المجبت والطاغوت** yang bermaksud

“Syaitan dan penderhaka” itu selalu sahaja menjadi perkataan yang selalu diucapkan oleh orang-orang Syiah di dalam doa mereka yang dinamakan sebagai doa mengutuk dua orang berhala Quraisy” ataupun **دعاء صنمى قریش** Siapakah gerangan yang dimaksudkan dengan berhala juga “Syaitan dan Penderhaka” itu? Tentulah tidak lain daripada Sayyidina Abu Bakar dan Umar! Doa seperti yang kami terangkan dibawah ini boleh dilihat di dalam kitab himpunan doa-doa Syiah yang setaraf dengan kitab **دلائل الخيرات** di sisi kita golongan Ahli-Sunnah; iaitu di halaman 114 kitab **مفتاح الجنان** iaitu nas lafaz doa seperti berikut:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ وَالْعَنِ صَنْمَى قُرَيْشٍ وَجَبْتِيهَما
وَطَاغُوتِيهَما وَابْتَسِيهَما الخ.

Maksudnya: “Ya Allah, cucurilah selawat-Mu ke atas Muhammad dan kaum keluarga Muhammad. Dan laknatilah kedua-dua orang berhala kaum Quraisy, juga dua orang syaitan dan penderhaka Quraisy, berserta dengan dua orang anak perempuan mereka” . . . hingga akhirnya.

Yang dimaksudkan dengan dua orang anak perempuan mereka itu ialah: Ummul-Mukminien Sayyidatina ‘Aisyah dan Sayyidatina Hafsah Radhiallaahuhanhuma.

MEMUJA PEMBUNUH SAYYIDINA UMAR

Kebencian golongan Syiah kepada tokoh agung Islam yang telah memadamkan api pujaan umat Majusi di negara

Iran itu sendiri, yang juga tokoh penting yang menjadi punca bagi kemasukan agama Islam ke negara itu dan masuknya nenek moyang orang-orang Iran ke dalam agama Islam yang maha suci ini, iaitulah Sayyidina Umar bin Al-Khattab r.a. sampai ke peringkat bahawa mereka (Orang-orang Syi'ah) telah tergamak memberikan gelaran kehormatan kepada Abu Lu'lu'ah. Orang Majusi yang telah membunuh Sayyidina Umar itu dengan gelaran kepahlawanan بابا شجاع الدين

ataupun “Wira/pahlawan agama yang gagah berani.”

Manakala seorang tokoh Syiah yang bernama Ali bin Muzahir telah meriwayatkan cerita daripada Ahmad bin Ishaq Al-Qoumi Al-Ahwas, salah seorang ulama Syiah yang terkemuka, telah menyatakan bahawa hari pembunuhan Sayyidina Umar itu ialah hari raya besar, hari kebanggaan dan kemegahan, hari pujaan dan kesucian agung, hari keberkatan dan hiburan umum.

KOMPLIK PEMERINTAHAN

Semua pemerintah dan Khalifah Islam, sejak daripada Sayyidina Abu Bakar, Sayyidina Umar dan juga Sultan Salahuddin Al-Ayyubi serta semua pemerintah yang telah menakluk segenap penjuru dunia sambil mengibarkan bendera Islam dan menyebabkan penghuni wilayah-wilayah berkenaan menganut agama Islam, juga memerintah negeri-negeri berkenaan atas nama agama Islam dengan berpandukan syariat dan hukum hukum Islam, hinggalah ke zaman kita ini; kesemua pemerintah itu dari segi iktikad dan kepercayaan orang-orang Syiah — yang mereka akan menghadap Allah SWT kelak pun dengan memegang iktikad seperti itu adalah khalifah-khalifah dan pemerintah-pemerintah yang tidak sah dari segi agama (yakni tidak SYAR'IE) dan tidak berhak diberikan taat setia oleh orang-orang Syiah; kecuali sekadar mana yang dibenarkan oleh prinsip TIPU MUSLIHAT atau “At-Taqiyyah”, dan juga sejauh mana mereka akan beroleh kesempatan di dalam jentera pemerintahan yang berkenaan sahaja; iaitu di mana perlu mereka dibolehkan memberi sokongan di bibir sahaja, dengan memakai sifat nifaq dan bermuka-muka.

Dari di antara asas-asas kepercayaan dan iktikad orang-orang Syiah itu juga ialah apabila Imam Mahdi — iaitu Imam mereka yang kedua belas — yang mereka percayai masih lagi hidup hingga sekarang ini dan mereka masih menanti-nantikan kebangkitannya semula (iaitu pemberontakan atau revolusi yang akan dipimpinnya dan mereka semua pun akan ikut serta memberontak bersamanya). Apabila sahaja mereka menyebut nama Imam Mahdi itu di dalam kitab-kitab mereka, maka mereka tuliskan di hujung namanya itu huruf (ع ج) dengan pengertian *عجل الله فرجه* ataupun “*Semoga Allah segerakan kebangkitannya.*”

Mengikut iktikad orang-orang Syiah lagi, sebaik sahaja Imam Mahdi itu bangun daripada peraduannya yang begitu lama — melebihi seribu tahun —, maka Allah akan bangkitkan semula — dengan tujuan untuk menghadap dan menerima hukuman daripada Imam Mahdi dan nenek moyangnya para Imam yang terdahulu daripadanya — semua sekali Khalifah dan pemerintah-pemerintah kaum Muslimin yang sezaman dengan kebangkitan semula Imam Mahdi itu, terutamanya ketua-ketua negara yang mereka gelarkan “Syaitan” dan “Penderhaka/Taghut” iaitulah Sayyidina Abu Bakar dan Sayyidina Umar, dan semua khalifah selepas mereka. Selepas itu Imam Mahdi pun membicarakan mereka kerana kesalahan merampas kuasa pemerintahan daripada Imam Mahdi sendiri dan juga daripada nenek moyang imam imam Syiah yang lain, yang sebelas orang lagi itu; sebab pemerintahan yang sah dan “Syar’ie” di dalam hukum agama Islam itu adalah hak milik mereka, sebagai kurnia daripada Allah SWT sejak wafatnya Nabi Muhammad s.a.w. hingga ke hari kiamat. Tiada seorang lain pun yang berhak dan sah memerintah kaum Muslimin melainkan mereka sahaja.

Sebaik sahaja selesai menjalankan perbicaraan ke atas para “taghut” itu, dan mereka pun menjalani hukuman balas “QISAS”, maka Imam Mahdi pun mengeluarkan perintah supaya dibunuh setiap lima ratus orang penjenayah itu sekali gus sahaja sehingga selesailah pembunuhan ke atas semua tiga ribu orang ketua-ketua pemerintahan di setiap zaman pemerintahan Islam. Peristiwa perbicaraan dan

pembunuhan balas seperti ini berlaku di dalam dunia ini sebelum hari kebangkitan semula di hari kiamat. Kemudian sesudah selesai tugas menghukum balas ke atas orang-orang yang berkenaan, barulah berlaku kebangkitan yang menyeluruh di padang Mahsyar, dan sesudah itu barulah terus ke syurga ataupun ke neraka. Syurga adalah disediakan untuk kaum keluarga Rasulullah s.a.w. dan orang-orang yang memegang iktikad kepercayaan seperti mereka, manakala pula disediakan untuk setiap orang yang bukan daripada golongan Syiah.

Orang-orang Syiah memanggil peristiwa kebangkitan semula Imam Mahdi seperti yang telah dihuraikan tadi sebagai hari KEPULANGAN “Ar-Raj’ah الرجعة yang juga merupakan salah satu tonggak kepercayaan-kepercayaan dan iktikad mereka yang asasi, dan tidak boleh diragui sedikit pun oleh setiap orang penganut aliran Syiah.

Dan sesungguhnya saya sendiri telah melihat ada di antara orang yang baik hati dari kalangan Ahli-Sunnah yang mendakwa bahawa orang-orang Syiah sudah tidak lagi berpegang kepada kepercayaan tersebut di zaman mutakhir ini. Dakwaan seperti itu adalah suatu dakwaan yang salah dan keliru serta bertentangan dengan fakta dan keadaan yang sebenarnya.

MULA—MULA SYIAH SESUDAH ITU KOMUNIS

Orang-orang Syiah sejak daripada zaman Kerajaan Safawiyah hinggalah ke hari ini masih terus sahaja berpegang teguh kepada iktikad mereka seperti yang telah kita huraikan sebelum ini, lebih daripada pegangan mereka sebelum zaman Kerajaan Safawiyah itu. Hingga sekarang ini pun orang-orang Syiah itu masih berpegang teguh kepada prinsip-prinsip iktikad itu. Jika ada di antara mereka yang tidak mahu percaya kepada iktikad yang penuh khurafat itu, maka orang itu terus akan menganut fahaman Komunisme; sebab tokoh-tokoh komunis Iraq dan juga para pemimpin parti Tudeh di Iran adalah terdiri daripada anak-anak orang Syiah yang telah sedar akan kekarutan iktikad Syiah itu lalu mereka pun berhijrah menjadi orang komunis yang kental. Memang tidak ada di kalangan mereka orang-orang

yang bersikap pertengahan dan sederhana kecuali orang-orang yang mengamalkan prinsip TIPU MUSLIHAT atau At-Taqiyyah” untuk mencapai sesuatu tujuan atau kepentingan tertentu, ataupun kerana sesuatu muslihat politik atau parti sambil menyembunyikan perasaan yang sebenarnya.

KEBANGKITAN SEMULA ATAUPUN AR—RAJ’AH

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai prinsip dan kepercayaan mengenai “Ar-Raj’ah” daripada kitab-kitab yang menjadi pegangan orang-orang Syiah, sukacita saya salinkan di sini kandungan tulisan seorang tokoh terkemuka Syiah, iaitulah Abu Abdullah Muhammad bin Muhammad bin An-Nu’man yang lebih terkenal di kalangan golongan Syiah sebagai الشيخ المفيد di dalam kitabnya yang bernama الارشاد في تاريخ حجج الله على العباد halaman 398-402. Kitab ini pada asalnya dicetak di atas batu di Iran sejak lama dahulu dan tarikhnya tidak disebutkan; tetapi telah disalin dengan tulisan tangan oleh Muhammad Ali Muhammad Hasan Al-Kalbabakani. Di antara isi kandungan kitab itu ialah:

“AL Fadhl bin Syaadzan telah meriwayatkan daripada Muhammad bin Ali Al-Kuufi, dari Wahab bin Hafs daripada Abi Basir, katanya:

KEINGINAN UNTUK MENGHANCUR DAN MEMBALAS DENDAM

Abu Abdullah (yakni Jaafar As-Saadiq) telah berkata: “Hendaklah diseru nama Imam yang kedua belas (yang mereka dakwa telah lahir ke dunia sejak lebih daripada sebelas abad yang lalu dan masih belum mati lagi hingga sekarang dan bangkit semula untuk memerintah dunia ini) . Hendaklah diseru nama Imam itu pada tiap-tiap malam dua puluh tiga haribulan sebab akan bangkit semula dari peraduanannya pada hari 'Asyura; kerana pada tiap-tiap hari seluruh bulan Muharram Imam Mahdi itu berdiri di tepi rukun Yamani dan di sisi Maqam Ibrahim (di tepi kaabah di Mekah) dengan diiringi oleh Malaikat Jibril di sebelah kanannya sambil berseru “Berbai’ahlah kerana Allah” . . .

Maka seluruh umat Syiah akan datang mengadapnya dari seluruh pelosok dunia untuk berbai'ah dan memberikan taat setia kepadanya. Mengikut perkhabaran ataupun athar yang sampai kepada kami. Imam Mahdi akan berjalan daripada Mekah menuju ke Kufah lalu singgah di Bandar suci Najef. Dari situlah beliau akan memberi arahan kepada bala tenteranya untuk menakluki seluruh dunia ini.

Al-Jihhal telah meriwayatkan dar da Tha'labah daripada Abi Bakar Al-Hadhrami daripada Abi Ja'far (Yakni Muhammad Al-Baaqir) yang telah mengatakan: "Bahawa Imam Mahdi akan tinggal menetap di bandar Najef, di dalam wilayah Kufah. Beliau akan berjalan daripada Mekah menuju bandar Najef dengan diiringi oleh lima ratus ribu Malaikat, iaitu dengan Malaikat Jibril di sebelah kanannya dan Malaikat Mikael di sebelah kirinya, dan orang-orang beriman berjalan di sebelah hadapannya. Sesudah itu beliau akan mengeluarkan arahan kepada bala tenteranya supaya berpecah ke segenap penjuru untuk menakluki seluruh dunia ini.

Abdul Karim Al-Ja'fi telah meriwayatkan; katanya: "Saya telah bertanya Abi Abdullah (iaitu Ja'far As-Saddiq, tentang berapa lamakan zaman pemerintahan Imam Mahdi itu, maka beliau menjawab: "Zaman pemerinthan Imam Mahdi itu ialah tujuh tahun, tetapi hari-hari di dalam zaman pemerintahannya itu akan jadi panjang sehingga satu tahun zaman pemerintahannya itu sama dengan sepuluh tahun zaman kamu sekarang." Dengan demikian maka umur zaman pemerintahan Imam Mahdi itu ialah tujuh puluh tahun mengikut kiraan biasa.

Maka Abu Busair pun bertanya: "Bagaimanakah caranya Allah memanjangkan masa tahun-tahun itu?" Maka jawabnya: "Allah akan memerintahkan cakrawala berjalan perlahan-lahan; dengan demikian maka hari-hari dan tahun-tahun pun menjadi panjang dengan sendirinya. Dan bila tibalah masanya Imam Mahdi akan bangkit semula maka dunia akan ditimpa hujan lebat di dalam bulan Jamadil Akhir dan sepuluh hari di dalam bulan Rajab. Hujan itu sangat lebat yang belum pernah disaksikan oleh seluruh umat manusia sebelumnya. Maka pada ketika itulah Allah SWT menumbuhkan semula daging dan jasad orang-orang

yang beriman di dalam kubur mereka. Dan terasa bagiku seakan-akan aku nampak mereka semuanya sedang mengebas-ngebas rambut mereka dari debu tanah kubur mereka.”

Abdullah bin Al-Mughirah pula telah meriwayatkan daripada Abi Abdillah (yakni Ja’afar As-Saadiq) telah berkata: “Apabila bangkit semula seorang dari keluarga Nabi Muhammad s.a.w. (yakni Imam Mahdi); maka dia pun menyuruh lima ratus orang dari keturunan Quraisy supaya bangun berdiri lalu dipancunglah leher mereka. Beliau melakukan seperti itu sebanyak enam kali. Lalu saya pun bertanya: “Berapa ramaikah bilangan mereka itu semuanya?” (Dia berasa hairan mendengar cerita itu kerana dia tahu benar bahawa khalifah-khalifah dari keturunan Umayyah dan ‘Abbasiyah dan juga seluruh ketua negara kaum Muslimin hingga ke zaman Ja’afar As-Saadiq itu tidak sampai sepuluh peratus daripada bilangan yang telah beliau sebutkan itu); maka Ja’afar As-Saadiq pun menjawab: “Memanglah jumlah itu sesuatu jumlah yang besar, sebab termasuk juga bersama mereka itu semua pegawai dan kakitangan kerajaan-kerajaan mereka.”

Di dalam riwayat yang lain pula beliau telah berkata: “Sesungguhnya negara dan kerajaan kita ialah negara dan kerajaan yang terakhir sekali. Tiada lagi seorang keluarga Nabi Muhammad yang jadi pemerintah dan ketua negara melainkan sebelum kita; supaya apabila mereka menyaksikan pemerintahan kita mereka tidak dapat berkata: “Bahawa jikalau kamilah yang memerintah, nescaya kami akan lakukan seperti pemerintahan Imam Mahdi ini.”

Jaabir Al-Ja’fi telah meriwayatkan daripada Abi Abdillah (Ja’afar As-Saadiq); katanya: “Apabila pembela keluarga Nabi Muhammad (yakni Imam Mahdi) bangkit semula maka dia akan mendirikan khemah-khemah tempat beliau mengajar Al-Quran mengikut bagaimana ia telah diturunkan pada asalnya. Maka alangkah sukarnya orang yang belajar seperti sekarang ini menghadapi pelajaran yang sebenar itu. (Dengan pengertian bahawa Al-Quran Mas-haf Usman yang ada di

zaman Ja'afar As-Saadiq itu, kerana dikatakan oleh mereka sebagai menyalahi naskhah asalnya (1)).

Abdullah bin 'Ajlan telah meriwayatkan daripada Abi Abdillah (Ja'afar As-Saadiq) yang telah mengatakan: "Apabila pembela keluarga Nabi Muhammad bangkit memegang teraju pemerintahan, maka beliau akan jalankan pemerintahan mengikut syariat Nabi Daud." (2)

Manakala Al-Faadhil bin Umar pula telah meriwayatkan daripada Abi Abdillah (Ja'afar As-Saadiq) katanya: "Akan keluar mengiringi Imam Mahdi itu dari tengah-tengah bandar Kufah dua puluh tujuh orang lelaki daripada kaum Nabi Musa!; tujuh orang daripada para penghuni gua (As-habullkahfi); Yusya' bin Nuun, Nabi Sulaiman, Abu Dujaanah al-Ansaari, Al-Miqdad dan Malik Al-Asytar; yang semuanya akan jadi menteri-menteri dan ikut memerintah bersamanya."

Nas-nas seperti ini telah disalin dengan penuh cermat dan amanah, dari satu patah perkataan ke satu patah perkataan yang lain dari kitab karangan salah seorang ulama terkemuka mereka, iaitulah "Syeikh Al-Mufid" yang diriwayatkan dengan sandaran yang dusta dan sengaja dibuat-buat dengan cara membabitkan nama baik kaum keluarga Nabi Muhammad s.a.w. Dan musibat yang paling

(1) Mengapakah hal seperti ini tidak dilakukan oleh Sayyidina 'Ali bin Abi Talib di zaman pemerintahannya? Adakah cucunya yang kedua belas ini lebih 'alim dan mahir daripada Sayyidina 'Ali mengenal Al-Quran dan agama Islam?

(2) Sedangkan Allah SWT sendiri telah mencela sistem pemerintahan Nabi Daud itu di dalam firman-Nya:

وَوَظَّنَ دَاوُدُ أَنَّهُ فَتَنَاهُ فَاسْتَغْفَرَ رَبَّهُ وَخَرَّ رَاكِعًا وَأَنَابَ.

(سورة ص آية ٢٤)

Maksudnya: Dan Nabi Daud (setelah berfikir sejurus), mengetahui sebenarnya Kami telah mengujinya (dengan peristiwa itu) lalu dia memohon ampun kepada Tuhannya sambil merebahkan dirinya sujud, serta dia rujuk kembali (bertaubat):

Ayat 24 Surah Saad.

malang sekali ialah bahawa para pendusta itu berlagak sebagai tokoh pembela kaum keluarga Nabi Muhammad s.a.w. Kitab karangan “Syekh al-Mufid” itu dicetak di negara Iran, dan naskhah asalnya masih dijaga dan dipelihara dengan baiknya.

KEPERCAYAAN TENTANG MASALAH “AR-RAJ’AH”

Oleh kerana kepercayaan mengenai masalah Af-Raj’ah dan penghakiman ke atas semua ketua negara kaum Muslimin itu menjadi salah satu tonggak kepercayaan dan iktikad kaum Syiah, maka kepercayaan ini yang diimani dengan sepenuhnya oleh seorang ulama mereka bernama Sayyid Al-Murtadha pengarang-pengarang kitab yang bernama *امالى المرتضى* iaitu saudara dan rakan kongsi Asy-Syarif Ar-Ridha, seorang penyair yang telah melakukan banyak pemalsuan di dalam kitab Nahjul-Balaghah *نهج البلاغة* yang barangkali melebihi satu pertiga bahagian kitab berkenaan; iaitu yang mengandungi kecaman dan ejekan kepada para sahabat Nabi — Sayyid Al-Murtadha yang berkenaan telah menulis di dalam kitab karangannya yang bernama *المسائل الناصرية* seperti ini:

“Bahawa (Sayyidina) Abu Bakar dan (Sayyidina) Umar akan disalib pada hari perbicaraan itu di atas sebatang pokok; iaitu di dalam zaman pemerintahan Imam Mahdi (Imam Syiah yang kedua belas yang mereka dakwakan sebagai pembela kaum keluarga Nabi Muhammad s.a.w.). Pokok itu pada asalnya basah, tetapi berubah menjadi kering sesudah kedua mereka itu disalibkan di atasnya.(1).

CARA BERFIKIR MEREKA TIDAK BERUBAH

Sesungguhnya tokoh-tokoh terkemuka alim ulama Syiah masih terus sahaja memandang hina dan rendah kepada dua orang sahabat karib dan juga pembantu kanan

(1) Nampaknya cerita ini diveduk daripada iktikad kepercayaan agama Kristian, kerana memang jelas sekali persamaannya.

Rasulullah s.a.w. iaitulah Sayyidina Abu Bakar dan Sayyidina Umar, di sepanjang zaman; juga kepada tokoh-tokoh penting, khalifah-khalifah dan ketua-ketua negara, panglima-panglima perang, para pejuang dan pemelihara keagungan dan kesucian agama Islam.

Kami sendiri telah mendengar seorang tokoh pendakwa Syiah yang bertugas di dalam lembaga yang bertujuan mencari pendekatan di antara mazhab-mazhab Islam itu, yang juga telah menghabiskan sebahagian waktunya untuk mencapai tujuan yang baik itu, telah menyatakan bahawa segala bentuk kekusutan dan perbezaan itu hanya berlaku di zaman lampau sahaja dan tidak ada lagi sebarang perbezaan seperti itu di zaman sekarang ini. Dakwaan seperti ini adalah suatu pembohongan dan penipuan; sebab kitab-kitab yang masih dijadikan mata pelajaran wajib di dalam seluruh institusi pelajaran mereka masih sahaja mengandungi perbezaan sepertimana telah disebutkan sebelum ini dan juga masih dipandang sebagai asas-asas yang penting di dalam mazhab Syiah sendiri dan juga sebagai teras aliran mazhab Syiah. Di samping itu pula kitab-kitab yang dikarang, dicetak dan diterbitkan oleh alim ulama Syiah yang berpusat di Bandar Najef, Iraq dan juga di Iran serta Jabal 'amil di zaman kita ini pun masih mengandungi bahan-bahan, perbincangan-perbincangan dan huraian-huraian yang lebih buruk dan keji daripada kitab-kitab lama karangan alim ulama mereka di zaman dahulu. Ini adalah menjadi salah satu faktor penghalang ke arah usaha mencari pendekatan di antara mazhab-mazhab.

Sebagai contohnya lihat sahaja bagaimana gelagat seorang tokoh penting mereka yang mendakwa di segenap masa bahawa dia sedang berusaha ke arah pendekatan dan persefahaman serta penyatuan seluruh mazhab; iaitulah Syeikh Muhammad bin Muhammad Mahdi al-Khaalisi yang mempunyai ramai sahabat handai dan rakan taulan di Mesir serta negeri-negeri Islam yang lain, iaitu sahabat handai dari kalangan tokoh-tokoh Ahli-Sunnah yang sedang rancak berusaha ke arah mencari pendekatan mazhab-mazhab itu. Namun demikian tokoh Syiah ini sanggup menafikan, bukan sahaja kelebihan, malah keimanan Sayyidina Abu

Bakar dan juga Sayyidina Umar. Hal seperti ini telah ditulisnya sendiri di dalam kitab karangannya yang bernama;

إحياء الشريعة في مذهب الشيعة

Juz pertama halaman 63-64. Nas tulisannya ialah seperti berikut:

وَإِنْ قَالُوا إِنَّ أَبَابُكِرَ وَعُمَرَ مِنْ أَهْلِ بَيْعَةِ الرُّضْوَانِ الَّذِينَ نَصَّ عَلَى الرُّضَا عَنْهُمْ فِي الْقُرْآنِ لَقَدْ رَضِيَ اللَّهُ عَنِ الْمُؤْمِنِينَ إِذْ يُبَايِعُونَكَ تَحْتَ الشَّجَرَةِ.

Dan jika sekiranya mereka (yakni pihak Ahli-Sunnah) mengatakan bahawa bukti keutamaan Sayyidina Abu Bakar dan Sayyidina Umar itu oleh sebab mereka berdua adalah orang-orang yang telah menyertai BAI'ATUR — RIDH-WAAN bersama-sama dengan Rasulullah s.a.w. yang telah ada nas Al-Quran bahawa Allah SWT reda kepada mereka di dalam firman-Nya.

لَقَدْ رَضِيَ اللَّهُ عَنِ الْمُؤْمِنِينَ إِذْ يُبَايِعُونَكَ تَحْتَ الشَّجَرَةِ

Yang Bermaksud: *Demi sesungguhnya! Allah reda akan orang-orang yang beriman, ketika mereka memberikan pengakuan taat setia kepadamu (wahai Muhammad) di bawah naungan pokok (yang termaklum di Hudaibiyah):*

(ayat 18 Surah Al-Fath).

Maka kami katakan (yakni pengarang kitab yang berkenaan): “Bahawa sekiranya Allah berfirman:

لَقَدْ رَضِيَ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ يُبَايِعُونَكَ

Yang Bermaksud: *Demi sesungguhnya Allah reda akan orang-orang memberikan pengakuan taat setia kepadamu (wahai Muhammad); dengan tidak disertakan perkataan:*

yang bermaksud: daripada orang-orang yang beriman.” Nescaya boleh dikatakan bahawa ayat berkenaan

menjadi dalil bahawa Allah S.W.T. reda kepada setiap orang yang berbai'ah kepada Rasulullah s.a.w. iaitu dalam mana Sayyidina Abu Bakar dan juga Sayyidina Umar telah ikut serta di dalam bai'ah itu; tetapi oleh kerana Allah menegaskan: **لَقَدْ رَضِيَ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ** yang memberikan pengertian

“bahawa Allah hanya reda kepada orang-orang yang beriman sahaja.” Maka ayat di atas menyatakan bahawa keredaan Allah itu semata-mata untuk orang-orang yang benar-benar beriman sahaja. (Sedangkan orang-orang Syiah enggan mengiktiraf Sayyidina Abu Bakar dan Sayyidina Umar itu sebagai orang yang “benar-benar beriman!”).

MENYELEWENGKAN SEJARAH

Jadi mereka membuat kesimpulan bahawa Sayyidina Abu Bakar dan juga Sayyidina Umar tidak murni imannya. Dengan demikian maka mereka berdua itu tidak berhak beroleh keredaan Allah SWT.

Pengarang kitab berkenaan adalah salah seorang ulama Syiah yang terkemuka yang hidup sezaman dengan kita dan termasuk salah seorang ulama Syiah yang suka membuat seruan yang berjela-jela panjangnya ke arah kemajuan Islam dan umatnya dan mencari jalan untuk kebajikan dan kepentingan Islam dan seluruh kaum Muslimin. Tetapi kalau beginilah isi kandungan kitab karangannya, dan begini pulalah sikap dan pendiriannya terhadap Sayyidina Abu Bakar dan Sayyidina Umar, kedua orang tokoh yang dipandang sebagai tokoh-tokoh yang terbaik sesudah Rasulullah s.a.w., ataupun paling kurangnya taraf mereka berdua itu termasuk di dalam bilangan senarai orang-orang Islam yang terbaik di sepanjang sejarah. Ya, kalau demikianlah sikap dan pendirian mereka, maka kebaikan apakah lagi yang boleh diharapkan untuk mencapai pendekatan dan persefahaman di antara mazhab-mazhab di dalam agama Islam? Dengan bersikap demikian maka orang-orang Syiah itu belumlah dapat dianggap sebagai sayap kelima musuh di dalam benteng perkubuan umat Islam? Atau pun ejen-ejen musuh untuk menggunting di dalam lipatan masyarakat kaum Muslimin sendiri?

Ketika mana mereka meletakkan para sahabat utama Rasulullah s.a.w. dan para tabi'in serta seluruh ketua negara dan panglima agung kaum Muslimin itu di taraf yang sangat hina dan keji, — sedangkan para sahabat, tabi'in, ketua negara dan panglima agung serta pejuang itulah sebenarnya yang telah mengibarkan panji-panji kemenangan dan keagungan agama Islam di seluruh pelosok dunia juga telah membentuk dan mewujudkan sebuah kawasan yang hingga sekarang ini pun masih lagi dikenal sebagai DUNIA ISLAM di dalam peta dunia — pada di waktu yang sama mereka membuat dakwaan yang bukan-bukan terhadap imam-imam mereka yang para imam mereka itu sendiri pun pada hakikatnya bersih dan tidak terlibat dengan dakwaan dan pemujaan yang bukan-bukan itu.

Kita katakan demikian ialah kerana mereka telah mendewa-dewakan imam-imam mereka yang dua belas itu. Sebagai buktinya lihat sahaja bagaimanakah Al-Killini, iaitu pengarang kitab AL-KAAFI (kitab BUKHARI orang Syiah) telah meletakkan sifat-sifat yang luar biasa dan mengangkat taraf serta martabat imam-imam mereka daripada martabat manusia biasa kepada taraf dewa-dewa pujaan umat Yunani (Greek) zaman purbakala, iaitu zaman berkuasanya fahaman keberhalaan dan kedewaan.

Jika kita hendak menyalin satu persatu isi kandungan kitab AL-KAAFI itu dan juga kitab-kitab lain yang menjadi pegangan dan panduan orang-orang Syiah itu nescaya kita perlu kepada ruangan yang banyak dan tulisan kita ini pun akan menjadi sebuah kitab yang besar. Oleh itu cukuplah kiranya kita kemukakan tajuk-tajuk kasar kitab yang berkenaan sahaja dengan menyebutkan nas dan lafaz perkataan bab-bab itu bersekali dengan halamannya, dari kitab AL-KAAFI sahaja, iaitu:

- (1) di halaman 255 Bab yang menyatakan bahawa kesemua imam yang dua belas itu mengetahui semua ilmu pengetahuan yang dikurniakan Allah kepada para Malaikat, para Nabi dan Rasul-rasul.

- (2) di halaman 258 Bab yang menyatakan bahawa kesemua imam yang dua belas itu mengetahui bilakah ketikanya mereka akan mati dan mereka itu tidak akan mati melainkan pada ketika dan masa yang mereka pilih dan tentukan sendiri.
- (3) di halaman 260 Bab yang menyatakan bahawa kesemua Imam yang dua belas itu tahu apa yang telah terjadi, sedang dan akan terjadi serta tiada suatu perkara pun yang tersembunyi dari mereka.
- (4) di halaman 227 Bab yang menyatakan bahawa kesemua imam yang dua belas itu ada memiliki kesemua Kitab Suci yang telah diturunkan oleh Allah dan mereka faham akan bahasa semua Kitab Suci itu.
- (5) di halaman 228 Bab yang menyatakan tiada seorang pun yang dapat mengumpulkan seluruh isi kandungan Al-Quran selain imam-imam yang dua belas itu, dan mereka mengetahui seluruh ilmu yang terkandung di dalam Al-Quran.
- (6) di halaman 231 Bab yang menyatakan bahawa imam-imam yang dua belas itu mempunyai tanda-tanda kenabian.
- (7) di halaman 397 Bab yang menyatakan bahawa imam-imam yang dua belas itu apabila mereka memerintah, maka mereka akan menjalankan hukuman mengikut syariat Nabi Daud dan mereka tidak perlu mencari bukti dan saksi-saksi untuk menjatuhkan hukuman.
- (8) di halaman 399 Bab yang menyatakan bahawa tiada suatu kebenaran pun di dalam tangan seluruh manusia melainkan perkara yang keluar dan berasal

daripada imam-imam yang dua belas. Dan segala sesuatu yang tidak keluar dan berasal daripada imam imam yang dua belas itu maka perkara ini batil dan tidak benar.

(9) di halaman 407 Bab yang menyatakan bahawa seluruh dunia ini adalah kepunyaan Imam Mahdi.

PERKARA—PERKARA GHAIB ADALAH KEPUNYAAN IMAM—IMAM

Di samping mendewa-dewakan imam mereka yang dua belas dan membuat dakwaan-dakwaan palsu yang tidak tergamak dilakukan oleh imam-imam itu sendiri, seperti dakwaan yang mengatakan bahawa imam-imam itu mengetahui segala perkara dan menguasai alam GHAIB, dan taraf mereka pula melebihi taraf manusia biasa; maka mereka — orang-orang Syiah tidak mengiktiraf hak Nabi Muhammad s.a.w. sebagai seorang Nabi yang mempunyai keutamaan untuk mengetahui segala masalah GHAIB yang telah diwahyukan oleh Allah SWT kepadanya, iaitu seperti hal ehwal ciptaan langit dan bumi, sifat serta bentuk syurga dan neraka. Hal ini telah ditulis dengan jelas dan nyatanya di

dalam Majalah “Risalatul-Islam” رسالة الاسلام yang diterbitkan oleh Badan Penyelaras mazhab-mazhab Islam di Kahirah, yang telah menyiarkan di dalam bilangan empat tahun keempat, halaman 368, iaitu sebuah rencana yang telah ditulis oleh Ketua Mahkamah Tinggi Syiah di Lebanon, yang dipandang oleh kalangan Syi’ah sebagai seorang tokoh yang disegani sebagai seorang yang mempunyai otoriti dan seorang cendekiawan Syiah di zaman moden ini. Rencana ini bertajuk: من اجتهادات الشيعة الامامية yang bermaksud: “Sebahagian daripada keputusan Ijtihad Syiah Imamiyah” di mana beliau telah menyalin keputusan itu daripada seorang ulama mujtahid mereka yang bernama Syekh Muhammad Hasan Al-Laitiani yang telah menulis di dalam kitab karangannya yang bernama بحر الفوائد “Lautan

faedah-faedah” Juz (1) halaman 267 bahawa apabila Rasulullah s.a.w. memberikan perkhabaran mengenai perkara-perkara yang membatalkan wuduk dan hukum hakam yang berkaitan dengan haid dan nifas, maka wajiblah dipercayai dan diamalkan seperti yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w. itu; tetapi bila Rasulullah s.a.w. memberi perkhabaran mengenai masalah-masalah GHAIB seperti masalah ciptaan langit dan bumi, bidadari dan mahligai-mahligai di dalam syurga, maka tidaklah wajib dipercayai sepenuhnya walaupun setelah diketahui bahawa perkhabaran itu sah datangnya daripada Rasulullah s.a.w.; lebih-lebih lagi jika perkhabaran itu datang daripada Rasulullah s.a.w. dengan secara ZHAN (ظن) atau sangkaan yang berat kepada benarnya perkhabaran itu.

Sungguh hairan bin ajaib sekali! Mereka telah sanggup membuat dakwaan palsu mengenai imam-imam mereka hingga ke peringkat mengetahui serba-serbi mengenai alam GHAIB sedangkan dakwaan seperti itu tidak disertakan dengan dalil yang terang dari sumber agama. Di samping itu pula mereka sanggup membolehkan dan membenarkan sikap tidak percaya kepada perkhabaran-perkhabaran GHAIB yang sah datangnya daripada Rasulullah s.a.w. yang dianggap sebagai dalil yang muktamad ataupun قطعی الدلالة

dari segi hukum agama; iaitu seperti ayat-ayat Al-Quran dan hadis-hadis sahih mengenai masalah ciptaan langit dan bumi juga mengenai sifat syurga dan neraka; sedangkan di dalam semua perkara itu Rasulullah s.a.w. tidak menuturkan sesuatu perkataan pun dari dorongan hawa nafsunya, melainkan berdasarkan wahyu Allah SWT kepadanya:

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ ۖ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ .

Maksudnya: “Dan ia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubungan dengan agama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu (sama ada Al-Quran atau hadis) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya.

(An-Najm: 3 & 4).

Setiap orang yang membuat perbandingan di antara cerita-cerita yang mereka dakwakan sebagai berasal daripada imam-imam mereka dengan perkhabaran-perkhabaran yang sah bersumber daripada Rasulullah s.a.w. tentang masalah GHAIB nescaya akan didapatinya bahawa perkhabaran-perkhabaran yang datang daripada Rasulullah s.a.w., sama ada di dalam bentuk ayat-ayat Al-Quran ataupun hadis-hadis sahih tidak sampai sepuluh peratus jika dibandingkan dengan cerita-cerita tentang perkara GHAIB yang mereka dakwakan sebagai bersumber daripada imam-imam mereka setelah putusnyanya wahyu Allah dari bumi ini.

Di samping itu pula seluruh ulama yang meriwayatkan cerita-cerita tentang perkara-perkara GHAIB itu daripada imam-imam mereka yang dua belas itu adalah semuanya orang-orang yang dikenali di kalangan ulama dari segi

analisa peribadi periwayat hadis علماء الجرح والتعديل dari kalangan Ahli-Sunnah sebagai tokoh-tokoh yang pendusta dan pembohong; tetapi para pengikut mereka dari kalangan Syiah tidak menghiraukan masalah analisa peribadi periwayat itu. Mereka terus menerima sahaja apa juga cerita dongeng mengenai perkara-perkara GHAIB yang mereka kemukakan dengan berselindung di sebalik nama imam-imam yang dua belas.

Memang benarlah bahawa pihak yang bertanggungjawab menerbitkan Majalah “Risalatul-Islam” رسالة الاسلام dan juga Ketua Mahkamah Tinggi Syiah Lebanon dan juga ulama mujtahid mereka Muhammad Hasan Al-Isytibani masih teguh memegang pendirian TIDAK WAJIB menerima perkhabaran-perkhabaran mengenai perkara GHAIB yang disampaikan sendiri secara sahnya oleh Nabi Muhammad s.a.w., sebab mereka pun memang berniat dan bermaksud hendak menyempitkan lingkungan kerasulan Nabi Muhammad s.a.w. itu hanya di sekitar hukum hakam yang berkaitan dengan masalah wuduk, haid dan nifas sahaja juga masalah-masalah fikah yang setaraf dengan hukum wuduk itu sahaja.

TARAF IMAM—IMAM YANG DUA BELAS MENGATASI TARAF NABI MUHAMMAD S.A.W.

Oleh kerana orang-orang Syiah masih tetap dengan pendirian mereka mendewa-dewakan imam-imam mereka yang dua belas itu dan menganggap bahawa imam-imam itu lebih tinggi tarafnya daripada Nabi Muhammad s.a.w. yang telah menerima kurnia wahyû Allah SWT sedangkan imam-imam yang dua belas itu tidak mendakwa mereka ada menerima wahyu Allah, maka kita merasa kurang faham tentang usaha mencari pendekatan di antara kita dengan mereka; iaitu dalam jurusan apakah pendekatan itu hendak dicari, sedangkan kita sudah cukup kenal tentang siapakah sebenarnya mereka dan kita juga telah maklum akan sikap dan pendirian mereka.

Suatu hal yang dapat dilihat dan diperhatikan di sepanjang sejarah perkembangan kerajaan-kerajaan Islam di zaman lampau, bahawa orang-orang Syiah telah memainkan peranan untuk mencari kepentingan dan menangguk keuntungan bagi golongan mereka sahaja. Sejarah juga telah membuktikan bahawa bila sesudah kerajaan Islam itu kukuh dan kuat, maka orang-orang Syiah pun berpura-pura memberikan sokongan dan kesetiaan mereka, dengan berpandu kepada prinsip TIPU MUSLIHAT atau "At-Taqiyyah", supaya mereka dapat ikut sama menikmati beberapa kedudukan dan kemudahan di dalam jentera pemerintahan. Tetapi sebaik sahaja kerajaan yang berkenaan itu lemah dan kekuatannya mula tergugat ataupun diserang musuh, maka orang-orang Syiah akan terus berpaling tadah dan memberikan sokongan kepada pihak musuh.

Kejadian seperti ini berlaku di zaman-zaman akhir pemerintahan khalifah-khalifah Bani Umayyah, iaitu pada ketika golongan Abbasiyah sedang menjalankan kegiatan untuk mengambil alih kekuasaan pemerintahan daripada golongan Bani Umayyah, maka orang-orang Syiah telah memberikan sokongan kepada usaha menumbangkan kekuasaan Bani Umayyah. Sokongan yang mereka berikan itu bukan hanya setakat sokongan moral dan fikiran sahaja, tetapi juga sokongan wang dan tenaga. Demikianlah juga halnya apabila kerajaan Khalifah Abbasiyah menghadapi

kelumpuhan dan serangan daripada angkatan tentera Hulaku penyembah berhala, maka orang-orang Syiah telah menjadi talibarut Hulaku untuk menghancurkan kerajaan Abbasiyah di Baghdad yang merupakan pusat penyebaran ilmu pengetahuan dan tamadun Islam.

Salah satu bukti perbuatan khianat orang-orang Syiah itu ialah perbuatan seorang ulama besar Syiah yang juga terkenal sebagai seorang penyair terkenal, bernama AN-NUSAIR AT-TUUSI الناصر الطوسي

yang telah menyembahkan sebuah syair gubahannya kepada Khalifah Al-Mu'tasim. Syair gubahannya itu penuh dengan kata-kata pujian dan sanjungan kepada khalifah, dan beliau telah dikurniakan anugerah besar sebagai balasan. Tetapi di dalam tahun Hijriah 655 AT-TUSI ini telah berpaling tadah dan menjadi salah seorang perancang yang aktif untuk menggulingkan pemerintah kerajaan Abbasiyah. At-Tusi ini juga telah ikut serta sebagai salah seorang pemandu jalan kepada angkatan tentera Hulaku yang datang menyerang kota Baghdad dan beliau jugalah yang telah mengarahkan pembunuhan dan penyembelihan beramai-ramai oleh pihak tentera Hulaku ke atas kaum Muslimin, baik lelaki atau wanita, anak-anak kecil atau orang-orang tua yang tidak berdaya. Beliau juga ikut terlibat dengan pembakaran dan penenggelaman berpuluh-puluh ribu kitab ilmu pengetahuan daripada perpustakaan Baghdad ke dalam Sungai Dajlah, hingga air Sungai Dajlah itu jadi hitam pekat selama beberapa hari, kerana titisan tinta kitab-kitab yang berkenaan.

Peristiwa jatuhnya kota Baghdad yang disertai dengan pembunuhan yang ngeri dan penenggelaman kitab-kitab yang sangat berharga itu tercatat di dalam sejarah Islam sebagai suatu peristiwa yang menyayat perasaan; kerana selain daripada pembunuhan kejam ke atas orang-orang awam yang tidak berdosa, peristiwa itu dipandang sebagai lenyapnya satu-satu khazanah perbendaharaan Islam yang tersebar di sepanjang sejarah, sama ada dari ilmu sejarah, kesusasteraan, sains dan lebih-lebih lagi ilmu agama hasil karya imam-imam yang terdahulu sejak zaman generasi pertama Islam.

PENGKHIANATAN AL'ALQAMI DAN IBNU ABIL HADIID

Di dalam melakukan pengkhianatan seperti telah di-huraikan di atas, At-Tusi tidak hanya bersendirian sahaja. Dia telah dibantu oleh dua orang rakan karibnya iaitu:

Pertama: Seorang menteri di dalam kerajaan Khalifah Abbasiyah yang telah dijatuhkan itu sendiri. Menteri berkenaan bernama Muhammad bin Ahmad Al-'Alqami, seorang tokoh politik Syiah yang disegani.

Kedua: Abdul Hamid bin Abil Hadiid, seorang pembantu kanan Al-'Alqami. Walaupun Abdul Hamid ini seorang pengikut faham Muktazilah, tetapi semangat Syiah nya begitu kuat sekali, bahkan melebihi semangat orang-orang Syiah sendiri. Kebencian beliau kepada para sahabat kanan Rasulullah s.a.w. begitu ketara sekali di dalam ulasan dan huraian nya yang menyeleweng di dalam kitab NAH-JUL-BALAAGHAH (نَهْجُ الْبَلَاغَةِ) kerana beliau telah memesongkan fakta dan membuat ulasan yang merosakkan kemurnian sejarah Islam. Oleh yang demikian para pembaca kitab berkenaan mestilah berhati-hati supaya tidak terkeliru dan terpengaruh oleh penyelewengan yang dilakukan oleh Ibnu Abil Hadiid ini.

Sebagai salah seorang Menteri di dalam kerajaan Khalifah yang telah diberikan kepercayaan dan penghormatan, Al-'Alqami telah menyalah gunakan kepercayaan yang diberikan kepadanya dan bertindak serong lagi khianat. Susu yang diberikan, tuba yang dibalas.

Inilah bukti sejarah yang jelas terpampang di hadapan kita dan tidak boleh dinafikan mengenai sikap orang-orang Syiah terhadap ketua-ketua negara Islam yang telah memberikan layanan baik dan kepercayaan kepada mereka. Dan sejarah pasti akan mengulangi peristiwa itu, jika tidak dihindari.

Peristiwa malang yang menimpa kaum Muslimin di Baghdad itu dianggap sebagai suatu peristiwa yang meng-gembirakan di kalangan orang-orang Syiah, di sepanjang zaman, bahkan hingga ke zaman kita ini. Bukti mengenai

kegembiraan mereka itu boleh dibaca di dalam kitab-kitab karangan alim ulama mereka. Di antara kitab yang menyebutkan peristiwa itu sambil memberikan sanjungan kepada An-Nusair At-Tuusi di dalam tragedi kejatuhan kota Baghdad itu ialah kitab yang bernama **روضات الجنات** yang bererti: "*Taman-taman di Syurga*" karangan Al-Khunsaari. Kitab berkenaan memang penuh dengan kata-kata sanjungan dan pujian setinggi langit kepada At-Tuusi dan rakan-rakannya yang telah memainkan peranan menumbangkan kerajaan Khalifah Abbasiyah, disertai pula dengan kata-kata yang menampakan kegembiraan melihat bagaimana kota Baghdad dimusnahkan, orang-orang tua, muda, anak-anak kecil, lelaki dan perempuan telah dibunuh dan diseksa. Hal ini jelas sekali membuktikan orang-orang Syiah menaruh perasaan benci dan dendam yang tidak putus-putusnya terhadap orang-orang yang bukan Syiah.

Walaupun kita telah mencuba sedaya upaya untuk meringkaskan perbincangan mengenai masalah ini, tetapi ia agak panjang juga, sebab memang tidak dapat dihindarkan; kerana semua bukti yang kami sebutkan tadi adalah diveduk daripada sumber-sumber Syiah yang dipandang muktamad oleh mereka sendiri.

Perbincangan mengenai masalah ini elok kiranya kita akhiri dengan mengemukakan suatu bukti lagi, iaitu bukti yang menunjukkan bahawa usaha mencari pendekatan itu boleh dilakukan dengan jayanya di antara golongan-golongan lain tetapi sia-sia sahaja jika usaha mencari pendekatan itu dilakukan dengan golongan Syiah; sebab hal ini memang telah diakui sendiri oleh orang-orang Syiah sendiri dengan jelas dan nyata. Buktinya ialah:

Al-Khunsaari, seorang tokoh sejarawan Syiah, telah mengarang kitab **روضات الجنات** seperti yang telah disebutkan tadi. Di halaman 579 kitab berkenaan yang dicetak kali kedua di Taheran di dalam tahun 1267 di dalam menghuraikan riwayat hidup An-Nusair At-Tuusi, Al-Khunsaari telah menulis seperti berikut:

"Di antara ungkapan kata dan ucapan At-Tuusi yang bernas dan lahir daripada sumber kebenaran dan penelitian

yang mendalam, ialah ungkapan ucapannya yang memberi penjelasan berkaitan dengan golongan yang selamat daripada tujuh puluh tiga golongan umat Islam. Di dalam hal ini beliau (At-Tuusi) telah menulis:

“Saya telah pun menjalankan kajisiasat mengenai seluruh mazhab di dalam agama Islam, dengan mengambil kira semua mazhab yang ada. Kajisiasat yang saya lakukan itu telah melahirkan suatu kesimpulan bahawa kesemua mazhab-mazhab yang lain daripada Mazhab Imamiah (yakni mazhab Syiah Imam dua belas) ada mempunyai titik persamaan di dalam hal ehwal yang berkaitan dengan masalah keimanan. Dari hasil kajian juga saya dapati bahawa hanya mazhab IMAMIAH sahaja yang berbeza dan tidak mempunyai titik persamaan dengan seluruh mazhab lain. Dengan demikian jikalau ada di antara sekian banyak mazhab yang lain daripada mazhab IMAMIAH itu yang selamat, nescaya semua mazhab yang lain pun ikut selamat juga. Dengan demikian nyatalah bahawa golongan yang selamat itu hanyalah golongan IMAMIAH (Syiah Imam dua belas) sahaja, bukan golongan an-golongan yang lain”

KESELAMATAN HANYA BOLEH DICAPAI DENGAN CARA MENUMPUKAN TAAT SETIA KEPADA AALIL—BAIT SAHAJA

Al-Khunsari menulis selanjutnya:

“As-Sayyid Nikmatullah Al-Musawi telah menyatakan hasil kajiannya bahawa semua golongan dan mazhab yang lain daripada *Syiah imam dua belas* (Imamiah) sepakat memegang pendirian bahawa ucapan dua kalimah syahadat sahaja sudah cukup menjadi syarat mutlak bagi mencapai keselamatan di negeri akhirat berdasarkan sabda Rasulullah

s.a.w. مَنْ قَالَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ دَخَلَ الْجَنَّةَ yang bermaksud:

“Sesiapa yang mengucapkan kalimah — LAAILAAHA-ILLALLAAHU — akan dapat masuk syurga.”

Manakala para pengikut mazhab Syiah Imam dua belas (Imamiah) sangat berlainan pegangannya dari pada semua mazhab itu kerana mereka sepakat.

mengatakan bahawa keselamatan di negeri akhirat itu akan dapat dicapai hanya dengan menumpukan sepenuh taat setia kepada AALIL-BAIT (iaitu kaum keluarga Rasulullah s.a.w.) dengan cara mengikuti pimpinan imam-imam Syiah yang dua belas dan dengan cara melepaskan diri daripada semua musuh mereka (iaitu Sayyidina Abu Bakar dan Sayyidina Umar dan seluruh orang yang mengikuti mazhab dan aliran yang lain daripada Syiah Imam dua belas, baik sebagai orang yang berkuasa mahupun sebagai rakyat biasa.

Demikianlah penjelasan yang nyata dan terang sekali mengenai semua pihak dan golongan yang berkaitan dengan masalah mencapai keselamatan di negeri akhirat.”

PERBEZAAN SYIAH DENGAN AHLI—SUNNAH BUKAN HANYA DI DALAM MASALAH FURU' SAHAJA TETAPI JUGA DI DALAM MASALAH ASAS—ASAS AKIDAH DAN KEPERCAYAAN

Sesungguhnya At-Tuusi, Al-Musawi dan Al-Khunsari telah bercakap benar dari satu segi, dan mereka juga telah berdusta di dalam suatu segi yang lain.

Mereka telah bercakap benar dan mengatakan bahawa seluruh kaum Muslimin itu sangat berdekatan di dalam masalah-masalah asas dan dasar, di samping mereka berbeza-beza di dalam masalah-masalah yang dianggap yang sebagai furu' dan cawangan. Maka oleh sebab itulah masih boleh dicari pendekatan dan persefahaman di antara mereka, kerana mereka mempunyai persamaan dari segi asas dan dasar; tetapi pendekatan dan persefahaman seperti itu tidak boleh dicari dan dicapai dengan golongan Syiah Imam dua belas (Imamiah) kerana mereka berlainan dan bertentangan dengan seluruh kaum Muslimin dari asas dan dasar akidah dan kepercayaan, dan golongan Syiah Imam dua belas itu tidak akan reda terhadap siapa sahaja dari kaum Muslimin kecuali jika mereka melaknat “Syaitan dan Taghut” iaitulah Sayyidina Abu Bakar, Umar dan seterusnya semua pemerintah-pemerintah Islam yang terkemudian hingga ke hari ini; dan terus sahaja mereka melepaskan diri mereka daripada berhubungan dengan setiap orang yang bukan daripada golongan Syiah, hatta kaum kerabat Rasulullah s.a.w. yang

terdekat sekali seperti puteri-puteri kesayangannya yang menjadi isteri Sayyidina Usman bin 'Affan Zun-Nurain, dan juga menantunya Al-'Aas bin Ar-Rabie' yang telah diberi kepujian oleh Rasulullah s.a.w. atas mimbar masjidnya di hadapan kaum Muslimin pada masa Sayyidina 'Ali ber-cadang hendak berkahwin dengan anak perempuan Abu Jahal sebagai madu kepada Siti Fatimah puteri kesayangan Rasulullah s.a.w. — iaitu sesudah Siti Fatimah sendiri mengadukan hal itu kepada ayahandanya.

Pemboikotan golongan Syiah Imam dua belas itu juga melibatkan Imam ZAID BIN ALI Zainal Abidin bin Sayyidina Husaain bin Sayyidina 'Ali bin Abi Talib dan seluruh Aalul-bait yang tidak bernaung di bawah panji-panji golongan RAFIDHAH iaitu golongan yang menganut iktikad yang menyeleweng seperti iktikad bahawa Al-Quran itu tidak sempurna dan telah dipinda serta diselewengkan.

Dakwaan mereka mengenai pindaan Al-Quran itu telah berlaku sejak lama dahulu hinggalah ke hari ini, iaitu mengikut pengakuan yang dibuat oleh tokoh-tokoh mereka yang terkemuka, seperti Al-Haji Mirza Husaain bin Muhammad Taqie An-Nuuri At-Tabrasi di dalam kitab karang-

annya yang bernama **فصل الخطاب في اثبات تحريف كتاب رب الأرباب**

yang telah mengarang kitab yang penuh dengan kepalsuan itu di samping pusara seorang sahabat kesayangan Rasulullah s.a.w. yang terkemuka dan berjasa besar, iaitulah Amir (Gabenor) Kufah, Sayyidina Al-Mughirah bin Syubah r.a. yang telah didakwa oleh orang-orang Syiah sebagai Sayyidina 'Ali bin Abi Talib Karramalluwajhahu.

Orang-orang Syiah telah mengenakan syarat yang sangat berat kepada kita dalam usaha mencari pendekatan dengan mereka, iaitu syarat supaya kita ikut sama melaknat para sahabat Rasulullah s.a.w. yang terkemuka, dan juga supaya kita juga ikut memulau setiap orang yang tidak mengikut ajaran agama mereka, walaupun orang itu ialah puteri Rasulullah s.a.w. sendiri dan juga waris keturunannya seperti Imam Zaid bin Zainal Abidin dan para pengikutnya dan

menolak dan menentang fahaman RAFIDAH yang mungkar itu.

Inilah sudut yang benar daripada nas tulisan An-Nusair At-Tuusi, juga Sayyid ni'matullah Al-Musawi serta Mirza Muhammad Baqir Amusawi Al-Khunari Al-Isfihani. Penda-pat dan pendirian seperti yang dibentangkan ini tidak pernah dibantah oleh seorang pun dari golongan mereka, sama ada orang yang mengamalkan prinsip "At-Taqiyyan" itu secara terbuka atau pun secara senyap-senyap.

Demikianlah segi kebenaran dari sikap mereka.

Adapun segi pembohongan dan dustanya mereka ialah dakwaan mereka bahawa ucapan LAAILAAHA ILLAL-LAAHU itu sahaja sudah memadai dan cukup sebagai tempat bergantung bagi kita golongan Ahli-Sunnah untuk mencapai keselamatan di negeri akhirat. Kalaulah mereka benar-benar mempunyai akal fikiran yang waras dan ilmu pengetahuan yang cukup tentu sekali mereka tahu bahawa ucapan kalimah syahadat itu di sisi kita golongan Ahli-Sun-nah ini adalah hanya menjadi tanda dan simbul bagi masuknya seseorang itu ke dalam agama Islam sahaja. Setiap orang yang mengucapkan kalimah syahadat itu — walau sekalipun dia seorang kafir harbi — dengan sendiri menjadi seorang yang terpelihara darah dan harta bendanya di dunia ini. Ada pun masalah beroleh keselamatan di negeri akhirat, maka hendaklah ucapan kalimah syahadat itu di-sertai dengan iman. Manakala iman itu pula — seperti yang telah diucapkan oleh Amirul Mukmimin Umar bin Abdul Aziz — adalah beberapa kewajipan (fardu) beberapa syariat dan peraturan, dan juga beberapa undang-undang. Sesiapa yang dapat menyempurnakan kewajipan-kewajipan dan sya-riat-syariat itu maka dia dapat memenuhi tuntutan iman. Dan memang tidak termasuk di dalam kewajipan dan syariat itu kewajipan mempercayai wujudnya Imam yang dua belas, sebab imam-imam yang dua belas itu tidak lain daripada peribadi-peribadi yang direka-reka dan dibikin-bikin, dan dinisbahkan keturunannya kepada Hasan Al-Askari yang telah meninggal dunia tanpa meninggalkan seorang anak lelaki pun; dan semua harta peninggalannya telah dipusakai oleh saudaranya Jaafar atas dasar bahawa dia tidak mening-galkan seorang anak pun.

Dengan demikian nyatalah bahawa menisbahkan imam yang kedua belas itu sebagai anak lelaki Hasan Al-Askari adalah suatu penipuan dan pemalsuan. Hal ini ditambah lagi dengan fakta bahawa anak cucu Sayyidina 'Ali (Alawiyyin) ada menyimpan catatan dan daftar kelahiran anggota keturunan mereka. Mereka memang ada seorang pendaftar kelahiran yang mencatat dan mendaftarkan setiap orang anak yang dilahirkan. Tiada sebarang catatan yang membuktikan bahawa Hasan Al-Askari ada mempunyai seorang anak lelaki; bahkan golongan Alawiyyin hingga sekarang ini pun masih tidak mengetahui bahawa Hasan Al-'Askari mati dengan meninggalkan seorang anak lelaki. Yang mereka ketahui ialah sebaik sahaja Hasan Al-Askari mati di dalam keadaan mandul, maka tamat setakat itu sahajalah rangkaian dan selisih kepimpinan secara IMAMIAH bagi seluruh pengikutnya. Mereka berpendapat bahawa mazhab Imamiyah itu telah lenyap dengan kematian Hasan Al-'Askari dan mereka pun bukan pengikut mazhab itu lagi, kerana Imam mereka sudah tiada lagi.

LAHIRNYA FAHAM NUSAIRIAH

Setelah Hasan Al-'Askari meninggal dunia, maka muncullah seorang yang bernama Muhammad bin Nusair dari keturunan hamba sahaja Bani Nunair membawa satu cerita bahawa Hasan Al-'Askari ada mempunyai seorang anak lelaki yang sedang bersembunyi di dalam bilik bawah tanah kepunyaan ayahnya. Tujuan Muhammad bin Nusair membawa cerita seperti ini ialah untuk menarik kepercayaan orang-orang awam dan juga orang-orang kaya dari kalangan Syiah bagi mengutip hasil zakat dengan menggunakan nama imam yang dikatakan masih hidup itu dan juga dengan tujuan supaya orang-orang awam dan para hartawan itu masih terus lagi jadi pengikut mazhab Syiah Imam dua belas (Imamiyah) juga supaya dia sendiri dijadikan sebagai PINTU ataupun orang tengah untuk masuk ke dalam bilik rahsia itu dan membuat perhubungan dengan imam yang didakwa masih hidup itu untuk menyampaikan segala hajat dan permintaan mereka. Dia juga berhasrat untuk menjadi penguasa yang mengendalikan urusan kutipan zakat dan derma untuk imam yang berkenaan. Tetapi rancangan-

nya itu ditentang oleh rakan-rakannya sendiri yang juga sama-sama ingin mengaut keuntungan untuk diri masing-masing.

Walaupun pada peringkat permulaannya rakan-rakannya itu bersetuju membuat pakatan untuk membuat perisytiharan kepada orang ramai bahawa Imam anak lelaki Hasan Al-Askari itu memang benar ada dan sedang bersembunyi dan betapa di dalam bilik rahsia bawah tanah kepunyaan ayahnya itu; tetapi mereka membantah rancangan Muhammad bin Nusair hendak melantik dirinya sendiri menjadi pintu ataupun orang tengah itu. Mereka sebaliknya menuntut supaya tugas itu diserahkan kepada seorang pekedai runcit yang tinggal di hadapan rumah Hasan Al-Askari, di mana keluarga Hasan Al-Askari menjadi pelanggan tetap kedainya bagi mendapatkan bahan keperluan harian mereka. (1)

CERITA PINTU DAN BILIK RAHSIA

Setelah perbalahan mengenai jawatan PINTU atau orang tengah itu berlarutan dan bertambah kusut, maka Muhammad bin Nusair sebagai orang yang mula-mula mencetuskan cadangan mengenai cerita imam yang bersembunyi di dalam bilik rahsia bawah tanah itu mengambil langkah memisahkan dirinya dari rakan-rakannya dan membentuk sebuah mazhab baru dengan dia sendiri menjadi ketuanya dan mazhab baru itu pun dinisbahkan kepada dirinya sendiri. Oleh itu, sebagai lanjutan dari pakatan sulit itu, para pengikut mazhab baru itu pun sepakat untuk menghebah dan mengisytiharkan bahawa Muhammad bin Nusair itulah Imam Syiah yang kedua belas ataupun Imam Mahdi. Mereka juga membuat keputusan supaya Muhammad bin Nusair segera berkahwin dengan tujuan supaya beroleh anak cucu dan keturunan yang bakal mewarisi

(1) Bilik bawah tanah itu kalau pun memang ada, ia tidak boleh dimasuki oleh sesiapa pun, kerana bilik itu telah menjadi hak milik Ja'afar, saudara lelaki Hasan Al-'Askari; sedangkan Ja'afar sendiri telah membuat pengakuan bahawa Hasan Al-'Askari tidak mempunyai anak lelaki, sama ada di dalam ataupun di luar bilik bawah tanah seperti yang didakwakan itu.

peranan sebagai Imam golongan Syiah, juga supaya mazhab Syiah Imam dua belas itu dapat dilanjutkan terus; tetapi rancangan seperti itu terbengkalai kerana mereka sedar bahawa pengisytiharan seperti itu akan akibat yang buruk, iaitu akibat akan ditentang dan didustakan oleh golongan Alawiyyin dan juga kaum kerabat mereka dari kalangan Istana Khalifah dan pegawai-pegawai kerajaan Abbasiyah. Dengan demikian mereka pun membuat pengisytiharan bahawa Imam yang kedua belas itu masih hidup di dalam persembunyian kecil *غيبه الصغرى* dan persembunyian besar *غيبه الكبرى* di suatu tempat yang tidak diketahui dan lain-lain lagi cerita dongeng yang mereka bikin sendiri; iaitu cerita-cerita dongeng yang sangat pelik dan ganjil. Melebihi cerita-cerita dongeng orang-orang Greek zaman purbakala. Di samping itu mereka masih terus berusaha supaya seluruh kaum Muslimin yang dikurniakan nikmat akal fikiran waras oleh Allah SWT supaya percaya kepada cerita-cerita dongeng mereka; supaya tercapailah hasrat mencari pendekatan di antara mazhab-mazhab Islam dan supaya tiada lagi perbezaan di antara kaum Muslimin lainnya dengan golongan Syiah.

Awas! Janganlah dibiarkan seluruh dunia Islam ini menjadi hospital gila! Bersyukurlah kepada Allah SWT yang telah mengurniakan akal fikiran yang waras sebagai syarat mutlak bagi kelayakan memikul tanggungjawab beragama; sebab akal fikiran itulah nikmat kurnia Allah SWT yang paling besar dan mulai sesudah kurnia nikmat IMAN.

MASALAH TAAT SETIA KAUM MUSLIMIN

Sesungguhnya kaum Muslimin di seluruh dunia masih terus memberikan taat setia yang tidak beralah bagi kepada orang-orang beriman yang benar imannya, termasuk juga kepada orang-orang yang salih dari kalangan AALII-BAIT ataupun kaum keluarga Nabi Muhammad s.a.w. tanpa terikat kepada sesuatu bilangan dan jumlah tertentu, seperti dua belas orang atau seumpamanya. Orang-orang beriman yang

dianggap sebagai pelopor dan juga pemimpin yang berhak diberikan sepenuh taat setia itu didahului oleh sepuluh orang sahabat kanan Rasulullah s.a.w. yang telah dikurniakan jaminan masuk syurga. Jaminan seperti itu telah disampaikan sendiri oleh Rasulullah s.a.w. Oleh yang demikian, jika tiada sebab lain yang membolehkan orang-orang Syiah itu dipandang sebagai suatu golongan yang ingkar derhaka kepada Rasulullah s.a.w., maka keengganan mereka untuk memberikan taat setia kepada sepuluh orang sahabat kanan Rasulullah s.a.w. itu dan juga sikap benci mereka yang tidak sepatutnya dilakukan terhadap para sahabat itu, juga keengganan mereka mempercayai jaminan masuk Syurga yang telah disampaikan oleh Rasulullah s.a.w. itu sudah untuk menjadi bukti bagi kita untuk mengenal pasti siapakah sebenarnya golongan Syiah itu dari segi akidah dan kepercayaan beragama.

Di samping itu seluruh kaum Muslimin masih terus juga memberikan taat setia mereka kepada seluruh sahabat Rasulullah s.a.w. yang lain, yang telah dipandang sebagai tonggak keagungan dan kejayaan Islam. Para sahabat itu adalah orang-orang berjasa yang telah berhasil mengibarkan panji-panji kalimah syahadat di segenap pelosok dunia dan telah merelakan jiwa dan harta benda mereka habis berterbangan di jalan Allah. Dengan jihad dan pengorbanan mereka-lah Islam telah menegakkan kedaulatannya di daerah-daerah yang menjadi landasan tempat bertapaknya akidah dan tempat berpijaknya umat yang menganut agama suci ini. Malangnya para sahabat ulung yang telah menabur jasa seperti itulah yang telah menjadi mangsa fitnah dan dakwaan palsu golongan Syiah yang fanatik buta kepada Sayyidina 'Ali; di samping memandang para sahabat ulung itu sebagai pengkhianat-pengkhianat yang menjadi musuh ketat mereka. Sedangkan para sahabat itulah yang telah hidup sezaman dan sama-sama mengecap suka dua berjuang menegakkan agama Islam dan di samping Rasulullah s.a.w. dan juga bersama-sama dengan Sayyidina 'Ali di dalam suasana saling kasih mengasihi, hormati menghormati dan sayang menyayang dengan penuh mesra dan ikhlas semasa sama-sama hidup di dunia yang fana ini, mereka semua telah pun pergi mengadap Allah di dalam keadaan seperti itu juga, iaitu

saling reda-meredai dan sama-sama mengharapkan reda Allah SWT.

Saksikanlah betapa Allah SWT telah menggambarkan keadaan hidup mereka yang penuh damai dan hormat menghormati, kasih mengasihi itu di dalam Kitab Suci Al-Quran, iaitu di dalam ayat 29 Surah Al-Fath:

مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ وَالَّذِينَ مَعَهُ أَشِدَّاءُ عَلَى الْكُفَّارِ رُحَمَاءُ بَيْنَهُمْ

Maksudnya: *Nabi Muhammad s.a.w ialah Rasul Allah; dan orang-orang yang bersama-sama dengannya bersikap keras dan tegas terhadap orang-orang kafir yang (memusuhi Islam) dan sebaliknya bersikap sayang serta belas kasihan sesama mereka.*

Dan juga firman Allah ayat 10 Surah Al-Hadiid:

وَلِلَّهِ مِيرَاثُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ لَا يَسْتَوِي مِنْكُمْ مَنْ أَنْفَقَ مِنْ قَبْلِ
الْفَتْحِ وَقَاتَلَ أُولَئِكَ أَعْظَمُ دَرَجَةً مِنَ الَّذِينَ أَنْفَقُوا مِنْ بَعْدُ وَقَاتَلُوا وَكُلًّا
وَعَدَ اللَّهُ الْحُسْنَىٰ

Maksudnya: *Padahal Allah jualah yang mewarisi langit dan bumi (dan segala isinya). Tidaklah sama di antara kamu, orang-orang yang membelanjakan hartanya serta turut berperang sebelum kemenangan (Nabi menguasai Mekah). Mereka itu lebih besar darjatnya daripada orang-orang yang membelanjakan harta serta turut berperang sesudah itu. Dan tiap-tiap satu pusat dari keduanya Allah janjikan (balasan) yang sebaik-baiknya.*

Dan adakah diterima akal, bahawa Allah akan memungkari janji-Nya? Sudah pasti tidak!

Serta firman Allah, ayat 110 Surah Aali-'Imraan:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ

Maksudnya: *Kamulah (wahai umat Muhammad) sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi faedah umat manusia (kerana)*

kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang segala perkara yang salah . . .

KHULAF—UR—RAASYIDIIN SALING HORMAT MENGHORMATI

Di antara bukti sikap hormat yang ditunjukkan oleh Sayyidina Ali sebagai seorang khalifah pengganti Rasulullah s.a.w. terhadap ketiga-tiga orang khalifah sebelum daripadanya iaitu Sayyidina Abu Bakar, Umar dan Usman itu ialah bahawa beliau telah menamakan anak lelakinya sesudah Hasan, Hussain dan Abnul-Hanafiah dengan nama para khalifah yang mendahuluinya. Di antara anak lelakinya ada yang bernama Abu Bakar, Umar dan Usman.

Beliau juga telah mengahwinkan seorang anak perempuannya yang bernama Ummu-Kaltuhum-El-Kubra dengan Sayyidina Umar bin Al-Khattab. Sesudah Sayyidina Umar wafat dan Syahied Ummul-Kathum itu dikahwinkan pula dengan sepupunya Muhammad bin Jaafar bin Abi Talib. Sesudah Muhammad meninggal maka Ummu-Kalthum itu berkahwin pula dengan saudara Muhammad yang bernama 'Aun (Onn?) bin Jaafar. Manakala Abdullah bin Jaafar bin Abi Talib pula telah menamakan salah seorang anak lelakinya dengan nama Abu Bakār dan seorang lagi pula diberi nama Mu'aawiyah. Manakala Mu'aawiyah bin Abdullah bin Jaafar bin Abi Talib pula menamakan seorang anak lelakinya YAZIID, kerana ada orang mengatakan bahawa Yaziid itu seorang yang warak dan salih, seperti yang telah diakui sendiri oleh Muhammad Al-Hanafiah bin Ali bin Abi Talib.

MENGAPAKAH KITA BERPUTUS ARANG BERKERAT ROTAN DENGAN MEREKA?

Jikalau pihak Syiah sekarang ini masih sahaja berkeras mendesak kita supaya menarik balik taat setia yang telah kita berikan kepada para sahabat Rasulullah s.a.w. yang terbilang dan ulung itu sebagai harga bagi usaha pendekatan dan persefahaman dengan mereka, maka bolehlah juga dianggap bahawa imam mereka yang pertama sekali iaitu Sayyidina 'Ali bin Abi Talib yang telah menamakan anak

lelaki sebagai Abu Bakar, Umar dan Usman itu sebagai telah melakukan kesalahan besar. Beliau juga boleh dianggap telah membuat kesalahan juga kerana telah mengahwin-kan anak perempuannya dengan Sayyidina Umar bin Al-Khattab. Demikian juga halnya dengan Muhammad Al-Hanafiah pun boleh dianggap melakukan kesalahan berdusta kerana telah mengakui kebaikan Yazid bin Mu'aawiyah pada ketika seorang tukang diayah yang berusaha hendak melantik Abdullah bin Az-Zubier sebagai khalifah datang menghadapnya. Tukang diayah itu bernama Abdullah bin Muti'e datang menghadapnya. Tukang diayah itu bernama Abdullah bin Muti'e datang menghadap sambil mendakwa bahawa Yazid adalah seorang tahi arak, selalu ponteng sembahyang lima waktu dan suka melanggar hukum-hakam Al-Quran. Maka Muhammad Al-Hanafiah bin 'Ali bin Abi Talib pun menjawab: (Sepertimana tercatat di dalam Kitab Al-Bidaayah Wan-Nihaayah Juz (8) halaman 223): "Aku tidak melihat (dan tidak fikir) Yazid sanggup melakukan perbuatan buruk seperti yang kamu semua katakan itu; sebab aku pernah datang menemuinya dan menjadi tetamunya. Saya lihat beliau seorang yang rajin bersembahyang, suka berbuat amal kebajikan, suka bertanyakan masalah-masalah hukum fikah dan suka menghayati sunnah Rasulullah s.a.w."

Lalu Abdullah bin Muti'e dan rombongannya pun menjawab:

"Dia lakukan demikian itu kerana bermuka-muka dengan tuan sahaja! . . ."

Maka Muhammad Al-Hanafiah pun menjawab lagi:

"Kalau dia hendak bermuka-muka di hadapanku apakah yang dia takutkan kepadaku dan apakah yang dia harapkan daripadaku sehingga dia tergamak menunjukkan sikap warak dan khusyuk seperti itu?....." "Adakah dia memperlihatkan kepada kamu semua perbuatannya minum arak maka tidak halal bagi kamu semua menjadi saksi atau suatu perbuatan yang kamu semua tidak mengetahuinya . . ."

Lalu rombongan itupun menjawab lagi:

"Masalah bahawa Yazid minum arak dan berbuat maksiat itu adalah suatu perkara yang benar walaupun kami

tidak menyaksikannya sendiri . . .” Jawapan mereka itu telah disanggah pula oleh Muhammad Al-Hanafiah dengan mengatakan: “Allah tidak mahu menerima penyaksian seperti itu lalu beliau pun membaca ayat Al-Quran:

الْأَمِّنُ شَهِدَ بِالْحَقِّ وَهُمْ يَعْلَمُونَ.

Maksudnya: *Melainkan orang yang menyaksikannya dengan sebenar dan mereka pula mengetahui akan kebenaran penyaksian itu.*

(Az-Zukhruf: 86).

“Dan aku tidak mahu ikut campur dengan memberikan sebarang sokongan kepada pekerjaan kamu semua itu sedikit pun.....”

Kalaulah pengakuan seperti ini sanggup dilakukan oleh seorang anak lelaki Sayyidina ‘Ali bin Abi Talib terhadap Yaazid bin Mu’aawiyah, maka di manakah letaknya kebenaran sikap orang-orang Syiah yang mendesak kita supaya ikut membenci para sahabat kanan Rasulullah s.a.w. seperti Sayyidina Abu Bakar, Umar, Ahlah, Az-Zubier, Amru-ibn-il-‘As dan seluruh sahabat yang lain yang telah memelihara Al-Quran itu dengan begitu baik sekali ditinggalkan kepada kita, bersama-sama dengan Sunnah Rasulullah s.a.w. Mereka jugalah orang-orang yang telah berjuang begitu gigih hingga dapat mewujudkan sebuah DUNIA ISLAM yang menjadi tempat kita tinggal dan pengkalan kita berjuang.

Sesungguhnya harga yang dituntut oleh pihak Syiah supaya kita bayar bagi mendapatkan pendekatan dengan pihak mereka adalah terlalu mahal dan sangat merugikan kita. Sedangkan kita pun cukup tahu bahawa orang yang paling bodoh itu ialah orang yang melayan tuntutan pihak yang melakukan peras ugut ke atas dirinya sendiri, iaitu orang yang sudah dikenalnya sebagai penipu dan pencukur.

Sesungguhnya konsep taat setia dan perbuatan memboikot sesama kaum Muslimin seperti yang menjadi tonggak kepercayaan dan pegangan hidup golongan Syiah seperti yang diperakui oleh An-Nusair-At-Tuusi dan disokong penuh oleh Nikmatullah Al-Musawij Al-Kuhunari itu tidak dapat membawa pengertian yang lain kecuali mengubah dan me-

mindah agama Islam dan juga memusuhi tokoh-tokoh dan wira-wira yang telah berjasa menegak dan mendaulatkan agama Islam.

Memang sesungguhnya orang-orang Syiah adalah pendusta di dalam dakwaan mereka bahawa mereka sahajalah orang yang selamat di hari akhirat. Suatu hal yang sangat berbeza begitu jauh sekali, bagaikan langit dan bumi.

PEMISAHAN DIRI GOLONGAN ISMAILIAH

Sesungguhnya golongan Ismailiah itu sama sahaja dengan golongan-golongan Syiah Imam dua belas, dari segi perbezaan sikap dan kepercayaan dengan kaum Muslimin. Perbezaan mereka dengan Syiah Imam dua belas hampir tidak ada kecuali di dalam perkara membuat ketentuan nama keluarga Nabi Muhammad s.a.w. yang mereka sanjungi dan tumpahkan taat setia mereka. Syiah Imamah memberikan taat setia kepada semua Imam serupa dengan Ismailiah juga hingga sampai kepada Imam Jaafar As-Saadiq; dan mereka berpisah tentang Imam sesudahnya. Golongan Imamah memberikan taat setia mereka kepada Musa bin Jaafar dan waris keturunannya, manakala golongan Ismailiah pula memberikan taat setia kepada Ismail bin Jaafar dan waris keturunannya. Sikap keterlaluan yang ditunjukkan oleh golongan Ismailiah kepada Ismail bin Jaafar dan waris-warisnya inilah yang menyebabkan mereka dibenci oleh golongan Imam dua belas (Imamah) sejak daripada zaman pemerintahan kerajaan Safawiyah. Dengan demikian maka pengaruh golongan Ismailiah mulai merosot disebabkan oleh sikap keterlaluan para pemimpinnya. Di peringkat awalnya para pelampau mazhab Imamah ini merupakan golongan minoriti sahaja; tetapi mereka kemudiannya dan hingga kini semuanya bertukar menjadi pelampau, tanpa kecualinya. Hal ini telah diakui sendiri oleh seorang tokoh ulama terkemuka mereka di bidang analisa peribadi periwayat hadis, iaitu Ayatullah Al-Hamqaani di dalam setiap rencana yang ditulisnya mengenai para pelampau di zaman dahulu. Di dalam setiap tajuk perbincangan di dalam tulisannya itu ternyata bahawa setiap per-

kara yang menjadi pegangan golongan pelampau di peringkat awalnya telah bertukar kemudiannya menjadi pegangan yang asasi kepada seluruh penganut mazhab Imamiah.

Dengan demikian maka sifat keterlaluan yang menjadi titik perbezaan antara golongan Syiah Ismailiah dengan Syiah Imamiah sebelum itu, telah menjadi sifat bersama, tanpa bezanya. Hanya yang berbeza ialah tentang tokoh-tokoh yang disanjung dan didewa-dewakan oleh setiap golongan itu sahaja; dipuja dan didewakan hingga ke peringkat yang lebih daripada taraf kenabian. Sikap keterlaluan ini jugalah yang menjadi motif utama bagi golongan Imamiah untuk tidak mahu percaya kepada perkhabaran yang disabdakan oleh Rasulullah s.a.w. mengenai perkara-perkara GHAIB seperti masalah ciptaan langit dan bumi, juga sifat syurga dan neraka; pada hal di dalam masa yang sama mereka telah menisbahkan kepada imam-imam mereka yang dua belas itu, beberapa perkara yang menaikkan taraf imam-imam mereka ke martabat dewa-dewa pujaan orang-orang Greek purbakala.

Sesungguhnya kegagalan usaha mencari pendekatan di antara kaum Muslimin dengan golongan Syiah berpunca daripada satu sebab sahaja, iaitu dari sikap mereka yang berbeza dengan sikap kaum Muslimin di dalam masalah-masalah asas dan prinsip, seperti yang telah diakui oleh An-Nusair At-Tuusi, Nikmatullah Al-Musawi dan juga Baaqir Al-Khunari dan masih juga diakui oleh setiap orang Syiah di zaman kita ini. Jika perbezaan itu telah begitu ketara di zaman An-Nusair At-Tuusi, maka di zaman Baaqir Al-Majlisi hingga ke hari ini pun keadaan itu masih tidak berubah.

**PENDEKATAN: ORANG ORANG SYIAHLAH YANG
TIDAK MENGHENDAKINYA! KEGIATAN
MENYEBARKAN MAZHAB SYIAH
TERUS DIJALANKAN!**

Tidak syak lagi bahawa yang tidak mahukan pendekatan itu ialah golongan Syiah Imam dua belas (Imamiah).

Oleh yang demikian maka kita dapati mereka begitu bernafsu mencari pendekatan dengan Ahli-Sunnah di negeri-negeri kediaman golongan Ahli-Sunnah itu sahaja; sedangkan di negeri kediaman Syiah Imamiah sendiri suara ke arah mencari pendekatan itu belum pernah kedengaran diucapkan dari mulut orang-orang Syiah yang berkenaan. Apalagi daya utama hendak memasukkan masalah mencari pendekatan itu ke dalam mata pelajaran di institusi-institusi pengajian tinggi mereka. Dengan demikian nyatalah seruan ke arah mencari pendekatan itu ditumpukan kepada sebelah pihak sahaja, seperti yang telah kita huraikan sebelum ini.

Dengan demikian maka usaha mencari pendekatan itu boleh diibaratkan sebagai dawai-dawai letrik yang tidak dipertemukan di antara pihak negatif dengan pihak positifnya. Sampai bila pun usaha itu tidak akan membuahkan hasil dan usaha itu hanya seperti mainan kanak-kanak sahaja. Lainlah halnya sedikit jika pihak Syiah berhenti melaknat Sayyidina Abu Bakar dan Sayyidina Umar dan memboikot setiap orang bukan Syiah sejak dari hari wafatnya Rasulullah s.a.w. hingga ke hari kiamat.

Usaha mencari pendekatan itu memang akan sia-sia sahaja tanpa perubahan sikap pihak Syiah sendiri; perubahan dari sikap keterlaluan di dalam mendewa-dewakan imam-imam mereka itu ke martabat yang setaraf dengan dewa-dewa pujaan orang-orang Greek zaman purbakala. Pendewaan seperti itu adalah bertentangan dengan lunas-lunas agama Islam dan mencabul kemurnian ajaran dan syariat yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. dan juga para sahabatnya yang mulia, termasuklah Sayyidina 'Ali bin Abi Talib sendiri dan zuriatnya yang dihormati lagi dimuliakan.

Selama orang-orang Syiah tidak sanggup meninggalkan akidah yang penuh dengan takhyul dan khurafat itu, yang juga bertentangan dengan prinsip-prinsip akidah Islam yang murni, dan juga bertentangan dengan sejarah perkembangannya, maka selama itulah golongan Syiah akan tersisih dan terpencil daripada seluruh masyarakat kaum Muslimin untuk selama-lamanya.

Di samping itu pula suatu hakikat yang telah kami sebutkan sebelum ini perlu benarlah diberikan perhatian dan pertimbangan, iaitulah faham komunis yang sedang mere-

bak di negara Iraq dan mengancam keutuhan negara yang berkenaan di samping parati tudeh yang sedang berkembang pesat di negara Iran melebihi daripada di negeri-negeri Islam yang lain, adalah merupakan anak kandung fahaman Syiah; sebab tokoh-tokoh komunis di kedua-dua negara yang berkenaan adalah terdiri daripada orang-orang tulen, iaitu sebagai akibat daripada terlalu banyak tahayul dan khurafat di dalam mazhab Syiah itu sendiri. Setelah mereka dapati bahawa tahayul dan dongeng-dongeng yang terkandung di dalam ajaran Syiah itu tidak dapat diterima oleh akal fikiran yang waras dan juga tidak logik, mereka pun mulalah tertarik kepada ajaran komunis yang disalurkan melalui organisasi yang rapi, tokoh-tokoh berkaliber dan alat-alat sebaran am dari berbagai bahasa. Memanglah gerakan diayah komunis telah dilakukan secara ilmiah dan saintifik dengan disertai oleh kewangan dan ekonomi yang kukuh teguh. Dengan demikian mudah sahajalah mereka terperangkap dengan jerangkap samar komunis.

Seandainya anak-anak muda terpelajar yang kalangan Syiah itu diberi faham tentang hakikat dan intisari agama Islam yang sejati dan mereka pula berkesempatan membuat kajian tentang agama Islam itu melalui sumber aliran dan mazhab yang lain daripada mazhab Syiah, pasti mereka tidak akan terjerumus menjadi mangsa diayah komunis itu.

BENCANA ALIRAN AL-BAA-BIYAH PULA

Ketika munculnya bencana aliran Al-Baa-Biyah di Iran lebih seratus tahun yang lalu dari seorang manusia yang bernama Ali Muhammad Asy-Syiiraazi yang telah mendakwa dirinya sebagai “Al-Bab” (iaitu pintu ataupun orang perantara) Imam Mahdi yang ditunggu-tunggu kebangkitannya semula itu, dan kemudiannya melangkah setapak lagi dengan mengisytiharkan dirinya sebagai IMAM MAHDI. Kemunculan aliran baru ini telah mendapat sambutan yang luar biasa dari kalangan golongan Syiah yang memang cepat percaya kepada dakwaan yang bercampur dengan tahayul seperti itu. Oleh kerana aliran baru itu didapati boleh menggugat mazhab Syiah Imamiah, maka pihak berkuasa kerajaan Iran telah mengambil langkah mengasingkan Ali

Muhammad Asy-Syirazi itu ke wilayah Azarbaijan, iaitu daerah kediaman majoriti golongan Ahli-Sunnah bermazhab Hanafi. Langkah itu diambil kerana pihak berkuasa Iran memang sedar bahawa orang-orang Ahli-Sunnah mempunyai ketahanan dari segi iktikad keagamaan dan sukar dipengaruhi oleh fahaman tahayul dan khurafat yang berasal daripada asas fahaman Syiah Imamiah itu sendiri. Oleh yang demikian maka para pengikut mazhab Ahli-Sunnah itu tidak mudah terpedaya dengan diayah aliran Al-Baa-Biyah itu.

Pihak berkuasa Iran tidak membuat keputusan mengasingkan Ali Muhammad Asy-Syirazi ke wilayah-wilayah lain yang didiami oleh para penganut mazhab rasmi kerajaannya sendiri, iaitu Syiah Imam dua belas (Imamiah) kerana mereka memang cukup sedar bahawa orang-orang Syiah mudah tergoda dengan tahayul dan khurafat; kerana fahaman tahayul khurafat yang menjadi asas pegangan Syiah Imamiah itu sendirilah yang menjadi sumber ilham aliran Al-Baa-Biyah dan juga AL-BAHAIYAH, seperti juga fahaman Syiah Imamiah itu telah menjadi sebab utama merebaknya fahaman komunis di kalangan anak muda dan golongan terpelajar. Dan memang suatu fakta yang tidak dapat dinafikan bahawa fahaman komunis itu lebih mudah menjalar di dalam masyarakat Syiah daripada masyarakat Ahli-Sunnah.

Sekian sahaja apa yang sempat didedah dan dikemukakan di dalam tugas kami menunaikan amanah Allah SWT untuk memberikan nasihat kerana Allah SWT, Rasulullah s.a.w. dan seluruh kaum Muslimin; baik di peringkat pimpinan mahupun orang-orang awam dan rakyat jelata. Semoga Allah tetap memelihara kesucian agama-Nya dan seluruh kaum Muslimin daripada bahawa kehancuran dan kemusnahan, akibat penipuan yang selalu sahaja dilakukan oleh pihak-pihak yang jahat dan durjana, hingga ke hari kiamat. Amien.

SENARAI RINGKAS
mengenai

TITIK-TITIK PERBEZAAN DAN PERTENTANGAN
di antara
AHLI-SUNNAH WAL JAMAAH dengan SYIAH
IMAMIAH dalam MASALAH
IKTIKAD dan KEPERCAYAAN

AL-QURANUL KARIM

DI SISI AHLI SUNNAH	DI SISI SYIAH
Disepakati bahawa seluruh kandungannya benar dan asli tidak terjejas sedikit pun, dan selamat dari sebarang pindaan, baik menambah atau mengurangkannya. Al-Quran hendaklah difahami dan ditafsirkan mengikut kaedah-kaedah bahasa Arab. Mereka beriman kepada setiap huruf dan perkataan yang terkandung di dalam Al-Quran. Mereka juga beriman bahawa Al-Quran ialah kalam Allah, bukan suatu perkara yang baharu dan bukan pula sejenis makhluk. Yang tidak dapat didatangi oleh sebarang kepalsuan dari mana-mana arah dan seginya. Al-Quran adalah sumber pertama bagi segala urusan kaum Muslimin; baik, akidah mahupun muamalat dan urusan di antara mereka sesama mereka dan dengan orang lain.	Dipertikaikan kemurnian dan keaslian isi kandungannya bagi sebahagian golongan mereka. Jika isi kandungan Al-Quran didapati bersalahan dengan sesuatu dasar iktikad kepercayaan mereka nescaya mereka takwilkan maksudnya dengan cara yang sungguhanjil, asal sahaja sesuai dengan mazhab mereka. Oleh sebab itulah mereka lebih terkenal sebagai golongan "PENTAWIL". Mereka selalu sahaja gemar membongkar masalah perbezaan pendapat mengenai kemurnian dan keaslian Al-Quran yang diambil dari pendapat dan sikap imam-imam mereka sejak zaman Al-Quran mula dicatat dan dikumpulkan dahulu lagi, dengan berpandukan kepada sumber-sumber yang dipercayai di kalangan mereka.

HADIS

DI SISI AHLI SUNNAH	DI SISI SYIAH
Sumber yang kedua bagi syariat dan undang-undang Islam. Juga pentafsir kepada Al-Quranul Karim. Tidak boleh menyalahi dan	Orang Syiah tidak mengarabikan kira sebagai hadis yang sah kecuali hadis-hadis yang dinisbahkan Ahlil bait atau keluarga

Di sisi Ahli Sunnah	Di sisi Syiah
menentang hukum mana-mana jua hadis yang sahih iaitu diperakui benar datang dari Nabi s.a.w. Untuk menilai sejauh manakah sahih tidaknya hadis-hadis itu maka suatu ilmu khusus yang membicarakan masalah istilah dan martabat hadis-hadis inilah ditaja bersama oleh ulama kaum umat ini. Di antara masalah yang dibincangkan oleh ilmu ini ialah istilah hadis-hadis, bagaimana hadis-hadis itu diriwayatkan, tokoh-tokoh yang meriwayatkannya, baik lelaki mahupun perempuan, tanpa sebarang perbezaan. Yang menjadi masalah pokoknya ialah sejauh manakah sifat adil dan tidak berat sebelah dimiliki oleh tokoh-tokoh berkenaan. Setiap orang tokoh yang meriwayatkan hadis itu tercatat semua sejarah hidupnya dengan lengkap, dan diketahui juga beberapa banyak hadis yang diriwayatkannya, dan berapa banyak pula yang disepakati benar riwayatnya dan berapa banyak pula yang dipertikaikan. Usaha ini diketahui sebagai suatu usaha yang memakan banyak tenaga dan waktu di sepanjang sejarah. Tiada suatu hadis pun yang diterima dari seseorang pun yang diketahui sebagai pendusta dan tidak diketahui latar belakangnya.	terdekat Rasulullah s.a.w. sahaja dan beberapa hadis yang diriwayatkan oleh orang-orang yang rapat hubungannya dan sentiasa mendampingi Sayyidina Ali di dalam kegiatan dan percaturannya di bidang politik. Hadis-hadis yang selain daripada itu ditolak dan tidak diambilkira. Mereka tidak memberi perhatian kepada sumber yang layak yang sah dan tidak juga kepada kaedah-kaedah yang ilmiah. Selalu sahaja mereka menyebutkan, sebagai contohnya. عن محمد بن اسماعيل عن بعض اصحابنا عن رجل عنه انه قال Kitab-kitab hadis mereka penuh dengan hadis yang tidak dapat dibuktikan sumber pengambilannya, yang mereka jadikan asas dan pokok kepercayaan agama mereka. Oleh sebab itulah mereka tidak mengiktirafkan lebih daripada tugasku hadis Rasulullah s.a.w. Dan inilah pokok dan asas perbezaan serta pertentangan mereka dengan seluruh kaum Muslimin.

Di sisi Ahli Sunnah

Tidak juga berdasarkan hubungan darah. Pekerjaan ini adalah satu amanah yang mengatasi segala-gala kepentingan.

PARA SAHABAT RASULULLAH S.A.W.

Sepakat sebulat suara untuk menghormati mereka dan memohon keredhaan Allah s.w.t. kepada para sahabat Rasulullah s.a.w. itu, sambil menganggap bahawa apa juga perselisihan dan perbezaan yang berlaku di kalangan mereka adalah hasil daripada penelitian dan ijtihad mereka sendiri dengan secara ikhlas.

Perselisihan dan perbezaan mereka itu telah berlaku masanya dan kita tidak boleh sama sekali hendak meneruskan perpecahan itu supaya berlarut-larut dan berpanjangan di segenap generasi dan keturunan. Para sahabat Rasulullah s.a.w. itu ialah manusia-manusia yang paling baik dan utama. Mereka telah beroleh kepujian daripada Allah s.w.t. sendiri melalui firman-Nya sebagai pujian yang terbaik pernah Allah firmankan mengenai hal-ehwal suatu kumpulan manusia. Di beberapa tempat pula Allah s.w.t. telah membersihkan mereka dari berbagai tuhmah dan tuduhan

Di sisi Syiah

PARA SAHABAT RASULULLAH S.A.W.

Berpendapat bahawa para sahabat itu telah jadi kafir semula sesudah wafatnya Rasulullah s.a.w. kecuali beberapa orang tertentu yang tidak sampai bilangan jari tangan, sambil meletakkan Sayyidina Ali di suatu tempat yang khusus.

Sebahagian mereka memandang beliau sebagai orang yang menerima wasiat untuk menjadi khalifah pertama menggantikan Rasulullah s.a.w. Ada pula yang memandangnya sebagai seorang nabi, bahkan ada pula pihak yang menganggapnya sebagai Tuhan. Dengan sikap itulah mereka telah sanggup menjatuhkan hukuman ke atas orang-orang Islam dengan berpandukan sikap orang-orang itu terhadap Sayyidina Ali. Sesiapa sahaja yang dipilih menjadi khalifah sebelumnya maka orang itu adalah zalim atau kafir ataupun fasik. Demikian juga keadaannya setiap orang yang menentang keturunan Sayyidina Ali. Dari sikap dan pen-

HADIS

Di sisi Ahli Sunnah	Di sisi Syiah
dengan cara berasingan dan tersendiri. Oleh yang demikian maka tidak boleh sama sekali (tidak halal) bagi sesiapa pun yang memuat sebarang tuduhan ke atas mereka sesudah itu, dan tidak halal bagi sesiapa pun mencari sebarang kepentingan di dalam perkara perelisisihan dan perbezaan mereka.	dirian inilah mereka telah melakukan banyak kejadian-kejadian yang menggemparkan di sepanjang sejarah yang dipenuhi dengan sikap permusuhan, fitnah-memfitnah; dan masalah faham Syiah juga menjadi suatu masalah dan pegangan hidup yang menggugat sejarah di sepanjang generasi.

AKIDAH

DI SISI AHLI SUNNAH	DI SISI SYIAH
AKIDAH TAUHID Mereka beriman bahawa Allah s.w.t. adalah Tuhan yang Maha Esa lagi Maha Berkuasa, tidak sekutu, sahabat dan orang yang setaraf bagi dan dengannya. Juga tiada orang tengah di antara-Nya dengan seluruh hamba-Nya. Mereka beriman kepada semua ayat Al-Quran yang berkenaan dengan sifat-sifat Allah tanpa sebarang takwil. Allah s.w.t. lah yang telah mengutus para nabi dan memerintahkan mereka menyampaikan perutusan daripada Allah; lalu mereka sampaikan risalah itu semuanya dan tidak menyembunyikan sesuatu pun. Beriman bahawa masalah	Mereka beriman kepada Allah s.w.t. dan keesaan-Nya, tetapi mereka mencampuradukkan iktikad itu dengan berbagai bentuk perbuatan syirik. Mereka selalu sahaja berdoa kepada para hamba Allah, selain daripada Allah, sambil berkata "Wahai Ali! Wahai Hussain! Wahai Zainab!" mereka bernazar dan menyembelih korban kepada yang lain daripada Allah. Mereka meminta orang-orang yang telah mati menunaikan hajat mereka. Mereka mempunyai berbagai jenis doa dan kasidah yang membawa pengertian dan maksud seperti ini. Mereka beribadat dengan

Di sisi Ahli Sunnah	Di sisi Syiah
ghaib itu kepunyaan Allah sahaja; dan syafaat di akhirat kelak berlaku dengan bersyarat. مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ — الآية. <i>“Tiada siapa pun yang boleh memberikan syafaat di sisi-Nya melainkan dengan izin-Nya.”</i> Dan bahawa semua doa, nazar, dan permohonan tidak boleh dilakukan kecuali kepada Allah s.w.t. sahaja, dan tidak boleh kepada yang lain daripada-Nya. Allah sahajalah yang memiliki kebaikan dan kejahatan dan tiada siapa pun yang berkuasa memandai-mandai, sama ada orang yang masih hidup ataupun yang sudah mati. Setiap orang memerlukan kurnia dan rahmat Allah s.w.t. Mengenal Allah itu wajib dilakukan berdasarkan panduan syarak sebelum daripada panduan akal fikiran yang kadang-kadang tidak dapat membawa kepada hidayah Allah. Sesudah itu barulah manusia itu berfikir untuk mendapatkan ketenangan dan kepuasan.	menyebutkan doa-doa dan kasidah kasidah dengan anggapan bahawa mereka bersih dari dosa. Mereka mendakwa juga bahawa mereka mengetahui urusan alam ghaib, dan mereka mempunyai hak mentadbir kan perjalanan dunia dan alam ini. Orang-orang Syiahlah yang telah menaja ilmu tasawuf untuk memperkakan pengertian yang menyeleweng itu. Mereka mendakwa para wali itu mempunyai kuasa khas. Begitu juga orang-orang keramat (Aqtab) dan kalangan ahli bait (keluarga Rasulullah s.a.w.). Mereka selalu menegaskan kepada para pengikut mereka tentang pengertian kelebihan mengikut martabat dalam masalah agama. Kelebihan seperti itu berlaku mengikut keturunan; iaitu suatu perkara yang tidak terdapat di dalam ajaran agama. Pada mereka mengenal Allah itu wajib dilakukan dengan berpandukan akal fikiran bukan dengan berpandukan ajaran syarak. Ayat-ayat Al-Quran mengenai cara mengenal Allah itu hanya bersifat sebagai tambahan sahaja kepada hukum akal dan bukan merupakan suatu panduan.

Di sisi Ahli Sunnah	Di sisi Syiah
MELIHAT ALLAH S.W.T. Mungkin berlaku di akhirat haja berdasarkan firman Allah; وَجُوهٌ يَوْمَئِذٍ نَّاضِرَةٌ إِلَىٰ رَبِّهَا نَاطِرٌ Maksudnya: Pada hari akhirat itu muka (orang-orang yang beriman) berseri-seri, melihat kepada Tuhan- nya. (Surah al-Qiamah 22-23).	MELIHAT ALLAH S.W.T. Tidak mungkin berlaku, baik di dunia mahupun di akhirat.
MASALAH GHAIB Masalah ghaib adalah masalah husus bagi Allah s.w.t. sahaja. Namun demikian ada ketikanya Allah memberikan kepada nabi- nabi-Nya, dan di antara mereka adalah Nabi Muhammad s.a.w. untuk menyaksikan perkara-perkara yang terlaku di dalam alam ghaib itu perana beberapa keperluan tentu. Firman Allah: وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَآءٍ. Maksudnya: Dan mereka tidak mengetahui sesuatu pun dari (kan- tungan) ilmu Allah melainkan apa yang Allah kehendaki (memberi- ahu kepadanya) — Al-Baqarah 255.	MASALAH GHAIB Mendakwa bahawa hak menge- tahui urusan alam ghaib itu adalah kepunyaan imam-imam mereka, dan bukan menjadi hak nabi untuk menyampaikan berita mengenai alam ghaib. Atas dasar inilah maka sebahagian mereka menisbahkan sifat ketuhanan kepada imam-imam mereka.

Di sisi Ahli Sunnah	Di sisi Syiah
KELUARGA RASULULLAH S.A.W. Keluarga Rasulullah s.a.w. itu ialah seluruh pengikut Rasulullah s.a.w. di dalam menganut dan mempercayai agama Islam (mengikut pendapat yang paling tepat). Ada pula yang menganggap keluarga Rasulullah s.a.w. itu ialah orang-orang yang bertakwa dari kalangan umat Nabi Muhammad; dan ada pula yang berpendapat bahawa keluarga Rasulullah s.a.w. itu kaum kerabatnya yang terdekat dari kalangan keturunan bani Hashim. SYARIAT DAN HAKIKAT Menganggap bahawa syariat itulah hakikat; dan bahawa Rasulullah s.a.w. tidak menyembunyikan sesuatu apa ilmu pun kepada umatnya. Tiada suatu perkara pun yang tidak ditunjukkan kepada kita oleh Rasulullah s.a.w. dan juga tiada suatu yang jahat pun melainkan Rasulullah s.a.w. memberi amaran kepada kita supaya kita jauhi. Firman Allah: الْيَوْمَ اكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتِمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا.	KELUARGA RASULULLAH S.A.W. Keluarga Rasulullah s.a.w. itu ialah menantunya Sayyidina Ali dan sebahagian daripada anak-anak Sayyidina Ali sahaja, kemudian zuriat keturunannya sesudah zamannya. SYARIAT DAN HAKIKAT Menganggap bahawa syariat itu ialah hukum-hukum yang dibawa oleh Nabi s.a.w. yang berkenaan dengan masalah kecil dan soal-soal harian untuk amalan orang-orang awam sahaja. Tetapi hakikat atau "ilmu khas" daripada Allah, maka tidak diketahui melainkan oleh imam-imam dari kalangan ahli ba (iaitu sebahagian keluarga Rasulullah) sahaja. Mereka ilmu hakikat itu secara warisan daripada satu generasi yang lain, dan akan kekal bersama mereka sebagai perkara yang rahsia. Seluruh imam itu adalah kebal dan terkawal daripada kesalahan dan dosa dan setiap amalan

aksudnya: Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepada kamu dan Aku redhakan Islam itu menjadi agama untuk kamu.

(Al-Maidah: 3)

Sumber pengambilan panduan agama ialah Al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w. Cara bekerja dan beribadat serta membuat perhubungan dengan Allah jelas dan nyata tanpa sebarang perantaraan. Yang mengetahui hakikat seseorang hamba itu ialah Allah s.w.t. sahaja dan kita tidak mengutamakan sesiapa pun melebihi daripada Allah s.w.t. Setiap orang itu boleh diterima dan boleh ditolak pendapat dan percakapannya, melainkan Rasulullah s.a.w. seorang sahaja.

FIKAH

Terikat dengan hukum-hakam yang diterangkan dan terkandung di dalam Al-Quranul Karim dengan sangat halus dan teliti, dengan cara diterangkan dan diberi penjelasan oleh sabda Rasulullah s.a.w. seperti mana yang terdapat di dalam al-sunnah; manakala pendapat para ulama dan tabiin yang boleh dipercayai dijadikan bahan

perbuatan mereka dipandang sebagai undang-undang. Dan oleh sebab itu jugalah mereka tidak segan silu menamakan diri mereka dengan berbagai gelaran yang handal-handal seperti gelaran WALI

ALLAH, BABULLAH (Pintu Allah) al Maksum (yang kebal dan tidak disinggahi dosa), hujjtullah dan lain-lain sebagainya.

FIKAH

Mereka bergantung dan berpegang kepada sumber-sumber mereka yang khusus iaitu mengikut bagaimana yang mereka nisbahkan kepada imam-imam mereka (yang berbatas sahaja) dan juga mengikut cara bagaimana mereka mentakwii-kan ayat-ayat Al-Quran dan yang mereka sengaja hendak mencari perbezaan dengan kaedah-kaedah

Di sisi Ahli Sunnah	Di sisi Syiah
pegangan, kerana merekalah orang-orang yang dekat zaman dan masa hidup dan paling banyak mengalami peristiwa penting bersama-sama Rasulullah s.a.w. Tiada seorang pun dipandang berhak membuat syariat baru di dalam agama Islam sesudah ia dilengkapkan oleh Allah s.w.t. sendiri. Di dalam memahami masalah-masalah yang terperinci dan baru timbul, dirujukkan masalah yang disebutkan sebagai المصالح المرسلة kepada ulama-ulama yang dipercayai dan terbilang dengan syarat tidak melampaui batas dan ketentuan Al-Quran dan assunnah, bukan yang lain. TUMPUAN TAAT SETIA Ketaatan dan kesetiaan hanya berhak ditumpukan kepada Rasulullah s.a.w. sengaja berpandukan firman Allah: مَنْ يُطِيعِ الرَّسُولَ فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ	dan pegangan majoriti umat Islam. Mereka selanjutnya berpendapat bahawa imam-imam mereka yang mujtahid dan terkawal daripada melakukan maksiat itu mempunyai hak untuk mengeluarkan fatwa dan hukum-hukum yang baharu seperti mana telah berlaku di dalam masalah yang berikut: (a) Azan, waktu sembahyang cara-cara dan kaedah mengerjakannya. (b) Waktu-waktu berpuasa dan berbuka. (c) Amalan haji dan umrah. (d) Beberapa masalah mengenai zakat dan bagaimana membelanjakan wang zakat. Mereka sentiasa sahaja mencari jalan menyalahi golongan ahli Sunnah dan meluaskan jurang perbezaan di dalam semua masalah. TUMPUAN TAAT SETIA Mereka menganggap ketaatan dan kesetiaan itu sebagai sebahagian daripada rukun iman. Yang dimaksudkan dengan kesetiaan itu ialah mempercayai apa yang dibawa, diajar dan diarahkan oleh imam-imam yang dua belas (di antaranya ada yang masih bertapa di dalam bilik rahsia di bawah tanah).

kepada Rasulullah, maka sesungguhnya ia telah taat kepada Allah.

(An-Nisaa: 80)

Adapun kepada orang yang lain daripada Rasulullah s.a.w. maka tidak ada hak taat kepadanya kecuali mengikut kaedah dan cara yang telah ditetapkan oleh hukum syarak, sebab tiada sebarang hak bertaatan kepada seseorang dari makhluk Allah di dalam melakukan perbuatan maksiat kepada Tuhan Yang Maha Pencipta.

TIPU/MUSLIHAT (AT-TAQIYYAH)

(Iaitu bahawa seseorang itu menunjukkan sikap yang lain daripada yang terpendam di dalam hatinya kerana bimbang akan ditimpa bala bencana)

Setiap orang Islam tidak boleh menipu seorang Islam yang lain sama ada dengan perkataannya atau dengan sikap lahirnya yang nampak dilihat. Sabda Rasulullah s.a.w.

مَنْ غَشَّ فَلَيْسَ مِنَّا.

Maksudnya: Sesiapa sahaja yang menipu, maka dia bukan dari golongan kita.

pukan taat setia kepada ahli bait mengikut cara dan adat kebiasaan mereka tidak berhak diberikan sifat iman, dan tidak boleh dijadikan imam sembahyang dan tidak berhak menerima sebahagian zakat yang wajib, tetapi boleh diberi sumbangan daripada biasa seperti orang kafir.

TIPU/MUSLIHAT (AT-TAQIYYAH)

(Iaitu bahawa seseorang itu menunjukkan sikap yang lain daripada yang terpendam di dalam hatinya kerana bimbang akan ditimpa bala bencana).

Bagi setiap golongan Syiah tipu muslihat itu adalah suatu perkara wajib yang mustahak diberi keutamaan, sebab mazhab Syiah tidak dapat ditegakkan melainkan melalui kaedah tipu muslihat. Mereka pelajari dasar dan cara bagaimana melakukan tipu muslihat itu secara rahsia dan terbuka dan mereka terus-menerus menggunakan tipu muslihat di dalam setiap hubungan mereka dengan orang lain, terutama

Di sisi Ahli Sunnah	Di sisi Syiah
Tipu muslihat ini tidak boleh diamalkan melainkan terhadap orang-orang kafir musuh agama, dan juga melainkan di dalam masa perang, sebab perang itu ialah tipu daya. Setiap orang Islam itu mesti jadi seorang berani dan tegas serta bersikap benar di dalam membela yang hak tanpa bermuka-muka, dusta dan menipu, bahkan hendaklah sentiasa memberi nasihat membina, menyuruh berbuat kebaikan dan melarang berbuat mungkar.	sekali bilamana mereka menghadapi kesulitan mereka sanggup menjadi talam bermuka dua dan memuji orang secara berlebihan walaupun terhadap orang yang mereka anggap kafir yang berhak dibunuh dan dimusnahkan, mereka mengenakan hukuman kafir ke atas sesiapa sahaja yang bukan golongan mereka. Mereka jelas sekali mengamalkan prinsip: "Tujuan mensucikan segala jalan". Prinsip ini menganggap halal belaka semua perbuatan tipu daya, bermuka muka dan sebagainya. Mereka memegang pesanan imam-imam mereka "tipu muslihat itu agamaku dan agama nenek moyangku" dan "sesiapa yang tidak bersikap tipu muslihat maka tiada agama baginya." Di dalam kitab Islam jalan ke bahagiaan dan perdamaian الإِسْلَامُ سَبِيلُ السَّعَادَةِ وَالسَّلَامَةِ halaman 109 iaitu sebuah kitab panduan mereka mencatat seperti berikut: "APA BILA SESEORANG MUKALLAF ITU MENANGGUNG ATAU MENGHADAPI SESUATU BAHAYA PADA DIRINYA HARTA BENDANYA ATAUPUN KEROSAKAN PADA MASYA

IMAMAH ATAU PEMERINTAHAN NEGARA

Negara hendaklah diperintah oleh seorang KHALIFAH yang dipilih dari kalangan kaum Muslimin. Khalifah itu hendaklah seorang yang benar-benar layak memegang jawatan itu seperti hendaklah ia seorang berakal fikiran yang waras, seorang yang berilmu pengetahuan, yang terkenal sebagai seorang yang baik dan salih, amanah dan mampu memikul amanah yang besar itu. Khalifah hendaklah dipilih sebuah badan yang dikenal sebagai

اهل الحل والعقد

iaitu badan yang dianggotai oleh orang-orang Islam. Badan itu berhak memecat dan melucutkan jawatan khalifah itu jika ia tidak berlaku adil ataupun bila ia melanggar ketentuan-ketentuan Al-Quran

LAH DIA MENINGGALKAN DASAR AMAR MAKRUH DAN NAHI MUNGKAR”.

Hukum ini adalah sebahagian daripada ciri dan sifat khusus Syiah yang disebut sebagai tipu muslihat ataupun “ATTAQIYYAH”.

IMAMAH ATAU PEMERINTAHAN NEGARA

Jawatan ketua negara adalah jawatan diperoleh dan dilakukan secara warisan dan turun-temurun dari salasilah keturunan Sayyidina Ali dan anak cucu Siti Fatimah, walaupun mereka berselisih faham mengenai hal ini. Mereka tidak akan menumpukan keikhlasan dan kesetiaan kepada mana-mana juga ketua pemerintahan yang bukan dari titih salasilah keturunan Sayyidina Ali. Dan oleh kerana teori mereka di dalam masalah pemerintahan ini tidak dapat dijaya dan dilaksanakan di sepanjang sejarah sepertimana mereka harap-harap dan cita-citakan, maka mereka menambah lagi satu teori lain yang dinamakan KEPULANGAN الرجعة yang bererti bahawa imam mereka yang terakhir yang dinamakan PEMBELA/PENYELAMAT القائم

AKIDAH

Di sisi Ahli Sunnah	Di sisi Syiah
dan sunnah Rasulullah s.a.w. Khalifah wajib ditaati oleh seluruh umat Islam. Memegang tugas pemerintahan adalah satu tanggungjawab, bukan suatu kemegahan dan kesempatan mencari kepentingan sendiri.	akan bangkit di akhir zaman kelak lalu keluar dari bilik persembunyian bawah tanahnya untuk menyembelih dan menuntut bela ke atas semua musuh-musuh politiknya sambil memulihkan hak orang-orang Syiah yang telah dirampas dan diperkosa oleh golongan-golongan lain di sepanjang zaman dan abad yang telah lalu.

SELESAI

Kenapa kitab ini perlu dibaca?

- Karya ini adalah hasil penyelidikan Syeikh Muhibuddin Al Khatib rhm.(1303 - 1389H) seorang ulama terkenal di Mesir. Beliau mendedahkan usaha-usaha yang dirancang untuk menakluk Dunia Islam.
- Pembunuhan Umar bin al-Khattab r.a. oleh Abu Lu'luah adalah rancangan Yahudi, Nasrani dan Majusi. Dewasa ini hari terbunuhnya Umar r.a. telah menjadi hari bersuka ria di Iran.
- Makam Abu Lu'luah (gelarannya Wira yang Berani-Baba Syuja) berhampiran kota Tehran diperbesarkan pada Tahun 1988. Orang Syiah percaya bahawa Tuhan tidak mencatatkan dosa-dosa mereka semasa hari Perayaan Wira yang Berani itu, pada 9, 10 dan 11 Rabiul Awwal.
- Dr. Hussein al Musawi - yang pernah menjadi seorang ulama Syiah yang terkenal di Najaf, Iraq - dalam bukunya bertajuk Kenapa saya keluar dari Syiah? (لماذا خرجت من الشيعة) berkata: " Ulama Syiah adalah manusia yang paling buruk di muka bumi ini ". Ulama Syiah Imamiyah - Husain Bahrululum- telah mengeluarkan fatwa pada 20 Safar, 1421H menghukumnya sebagai orang murtad.
- Setelah Dr. Hussein bertaubal daripada agama Syiah, dia disusuli oleh Dr. Musa al Musawi sahabat karib Presiden al-Khameini. Beliau berkata: " Gerakan Khameini adalah gerakan Zianis yang bekerja untuk kepentingan Israel. "

ISBN 978-983-9147-07-0



9789839147070